



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD SAYUTI BIN OMAR
PENULIS BUKU DAN PENGALISA POLITIK**

OLEH:

MUHAMMAD FAEZUDDIN BIN MOHD PUAD

2012445492

MUHD FAKHARUDDIN BIN KAMARI

2012231652

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD SAYUTI BIN OMAR
PENULIS BUKU DAN PENGALISA POLITIK**

OLEH:

MUHAMMAD FAEZUDDIN BIN MOHD PUAD

2012445492

MUHD FAKHARUDDIN BIN KAMARI

2012231652

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD SAYUTI BIN OMAR
PENULIS BUKU DAN PENGALISA POLITIK

Penghargaan

Salam penghargaan kami hулurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugasаn IMR 603 (Documenting Oral History) kami ini. Assalamualaikum w.b.t. diucapkan.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Hanis Diyana Kamarudin, pensyarah IMR 603 di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan beliau di dalam menyelesaikan tugasаn ini. tanpa bantuan dan maklumat daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugasаn ini dengan jayanya.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada saudara Mohd Sayuti Bin Omar sebagai tokoh yang kami temubual bagi berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang penulis buku dan penganalisa politik negara sejak tahun 1980 sehingga sekarang.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan yang turut memberi kerjasama dan bersedia berkongsi pendapat bersama kami. Kami mendoakan agar mereka berjaya dalam menyiapkan transkrip ini.

Sekian, terima kasih.

Isi Kandungan

Penghargaan	1
Isi Kandungan	2
Abstrak	3
Pengenalan	4
Biodata tokoh	5
Transkrip	7 - 73
Senarai Soalan	74
Log Temubual	79
Indek	84
Lampiran	87

Abstrak

Transkrip temubual bersama saudara Mohd Sayuti Bin Omar mengenai pengalaman beliau sebagai penulis buku dan penganalisa politik negara dari tahun 1980 sehingga sekarang.

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama saudara Mohd Sayuti Omar Bin Omar mengenai pengalaman beliau sebagai penulis buku dan penganalisa politik negara dari tahun 1980 sehingga sekarang. Secara ringkasnya, saudara Mohd Sayuti Bin Omar merupakan salah seorang penulis buku politik yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam setiap peristiwa pahit, manis, suka dan duka perjalanan politik negara. Menurut saudara Mohd Sayuti Bin Omar, beliau sudah berkecimpung dalam dunia penulisan seawal usia 12 tahun. Beliau juga merupakan antara penulis politik Malaysia berprofilik yang pendirian dan sikap politiknya sukar ditelah. Kebebasannya dalam menulis tanpa menzahirkan sokongan tegar kepada mana-mana parti politik menyebabkan tulisannya dinanti-nantikan oleh semua pihak baik parti kerajaan mahupun pihak pembangkang. Sehingga kini beliau telah berjaya melahirkan lebih 40 buah buku politik. Antara buku beliau yang popular adalah 'Sumpah dan Airmata: Reformis Bangsa' dan 'Anwar Come Back'. Beliau juga pernah mengendalikan akhbar Siasah sebagai Ketua Pengarang dari tahun 2004 hingga 2011.*

Kata kunci: *penulis, politik, tulisan, temubual, PUSASDA, Reformasi, Bersih, pengalaman.*

Pengenalan


Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu subjek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak dapat direkodkan sebelum ini, dan juga sebagai memori kepada peristiwa yang telah dijadikan sesuatu bukti sejarah. Di samping itu, sejarah lisan juga membantu memperkayakan sumber-sumber sejarah dan sebagai bahan pendidikan kepada generasi sekarang umumnya.

Sejarah lisan yang direkodkan ini sangat berguna kepada persatuan-persatuan sejarah lisan di negara kita bagi memudahkan maklumat diperolehi melalui wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan kebijaksanaan penemubual akan membantu tokoh yang diwawancara untuk memberikan maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada penulis buku dan penganalisa politik negara yang berkhidmat secara sukarela dalam membantu mengimbangi pemikiran dan pendapat diantara kerajaan dan pembangkang di mana sehingga kini Malaysia kekal subur dengan pemerintahan demokrasi. Sehingga kini, kepentingan sejarah lisan ini telah terbukti dapat memberikan nilai kebolehpercayaan dan ketepatan yang tinggi penggunaannya kepada masyarakat zaman sekarang. Di samping itu ia juga dapat memberi kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sejarah dan politik oleh rakyat Malaysia khususnya anak-anak muda demi kelangsungan sebuah negara bangsa yang aman damai, maju dan makmur.

Hasil wawancara bersama saudara Mohd Sayuti Bin Omar, merupakan seorang penulis dan penganalisa politik yang telah banyak memberi maklumat tentang pengalaman beliau dalam gelanggang politik negara di mana pelbagai peristiwa penting atau aset sejarah negara yang tidak tercatat oleh mana-mana media perdana dinukilkan di dalam setiap buku-buku politik hasil tulisan beliau sendiri. Sejarah dan politik begitu penting buat negara kerana tanpa dua elemen ini maka rakyat Malaysia tidak akan mengenali budaya dan peradaban bangsa sendiri. Di samping itu, tanpa sejarah dan politik - orang muda tidak akan pernah merasai kepayahan dan keperitan datuk nenek kita memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Biodata Tokoh



Nama	Mohd Sayuti Bin Omar
Pekerjaan	Penulis dan pengalisa politik
Tempat Lahir	Kampung Gual Libong Gual Periuk, Pasir Mas, Kelantan
Umur	53 tahun
Status	Berkahwin
Bilangan adik-beradik	5 orang
Bilangan anak	5 orang
Nama ayah	Omar bin Haji Osman
Nama ibu	Mekthom Haji Salleh
Nama isteri	Naimah Binti Yaacob
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Kebangsaan Gual Periuk• Sekolah Menengah Rantau Panjang• Kolej Kewartawanan Sumatera, Indonesia
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none">• Beliau telah berkarya dengan menghasilkan lebih 40 buah buku-buku politik yang telah di jual. Penulisan beliau mendapat tumpuan daripada ahli-ahli politik dan media massa.• Beliau mewujudkan sebuah syarikat, Merah Tinta untuk menerbitkan buku-buku hasil karya beliau.• Beliau turut menjadi tetamu jemputan di dalam rancangan sebuah stesen televisyen swasta, Astro Awani.

	<ul style="list-style-type: none">• Hasil penulisan dan analisa politik daripada beliau turut di cetak di akbar-akhbar tempatan.
--	--

TRANSKRIP

Petunjuk:

MSO : Mohd Sayuti Bin Omar

MFMP : Muhammad Faeuddin Bin Mohd Puad

MFK : Muhd Fakharuddin Bin Kamari

MFK : Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Mohd Sayuti Bin Omar. Beliau merupakan seorang penulis bebas buku-buku yang berkaitan politik. Rakaman ini dijalankan di rumah beliau pada pukul sepuluh pagi [10]. Wawancara ini adalah mengenai pengalaman beliau sebagai seorang penulis. Wawancara ini juga dikendalikan oleh Muhammad Faezuddin Bin Mohd Puad dan Muhd Fakharuddin Bin Kamari. Dengan lafaz Bismillah, kita jalankan sesi wawancara ini.

MFMP : Apakah nama penuh tuan mengikut kad pengenalan?

MSO : Bismillahirrahmanirahim. Nama saya Mohd Sayuti Bin Omar.

MFMP : Apakah panggilan tuan?

MSO : Oh panggilan manja ini biasa kalau mak ayah semua panggil hujung *jelah* [sajalah] dia panggil Sayuti 'Ti'. 'Ti' itu diantara panggilan manja dalam keluarga. Tapi kalau sekarang *ni* [ini] nama dalam penulisan politikdan sejak di sekolah dulu sudah dikenali dengan nama *MSO* [Mohd Sayuti Omar] sampailah ke hari ini nama *tu* [itu] jadi satu *nickname* [nama panggilan]. *Lepas tu* [Selepasitu] dan akhir-akhir ini sudah melepasi *lima puluh* [50] tahun dah dapat cucu *ni* [ini] saya mesra

dengan *facebooker* [rakan facebook] saya dengan panggilan ‘Tok Ti’ bukan Datuk *tau* [tahu]. Jadi ‘Tok Ti’ *tulah* [itulah] nama-nama mudah dipanggil dalam perhubungan dengan rakan-rakan peringkat anak dan peringkat adik tapi nama *MSO* [Mohd Sayuti Omar] *tulah* [itulah] nama *commercial* [rasmi] saya. Kalau nama di kampung dan keluarga hujung *jelah* [sajalah] ‘Ti’ *tu je* [itu saja].

MFMP : Bila dan dimana tuan dilahirkan?

MSO : Saya dilahirkan di Kampung Gual Libong Gual Periuk, Pasir Mas, Kelantan. *So* [jadi], Gual Nibong juga masuk dalam daerah parlimen Rantau Panjang.

MFMP : Sekarang tuan menetap di Kuala Lumpur dan boleh ceritakan serba sedikit sebab tuan pindah ke sini?

MSO : Saya berhijrah ke Kuala Lumpur dalam tahun selepas melangsungkan perkahwinan *sembilan belas lapan puluh lima* [1985]. *Sembilan belas lapan puluh lima* [1985] saya berpindah ke Kuala Lumpur ataupun akhir tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984] berpindah disini dan terus menetap disini. Mengisi kerjaya saya disini, mengejar kerjaya saya disini, mengejar cita-cita dan membina rumah tangga dan kehidupan dan bina legasi saya sebagai seorang manusia sebagai seorang hamba Allah juga di sini.

MFMP : Siapakah nama ibubapa tuan?

MSO : Nama ayah saya Omar bin Haji Osman. Nama ibu saya Mekthom Haji

Salleh ada *spelling* [ejaan] Inggeris. Kedua-duanya pun telah menunaikan haji.

MFMP : Adakah mereka masih hidup?

MSO : Ibu masih hidup, ayah dah meninggal dalam saya ingat hampir lima belas [15] tahun.

MFMP : Kedua-duanya asal daripada sana?

MSO : Asal daripada kampung itulah, *so* [jadi] dari segi (bunyi telefon berdering) latar belakang mereka, mereka orang kampung bertani ala Kelantan macam-macam pekerjaan untuk-dalam ringkasnya saya lahir daripada keluarga orang kampung, kampung pun waktu itu maknanya jauh daripada pembangunan. Kalau waktu itu sebut Pasir Mas, Rantau Panjang itu hanya ada satu saja perhubungan iaitu perhubungan *transport ni* [kenderaan ini] kereta api *je* [saja].

MFMP : Adakah pada waktu itu perkhidmatan bas tidak ada?

MSO : Bas ada satu jalan lama. Jalan baru Pasir Mas melalui ke Rantau Panjang yang dianggap sebagai lebuhraya. Orang Kelantan panggil lebuhraya kerana itulah di antara jalan yang agak besar. Selain daripada *tu* [itu] jalan alternatif adalah jalan raya kecil yang ada sekarang ini. Perhubungan dulu dengan bas dan kereta api, *lepas tu* [itu] kereta api ditamatkan mula semula perkhidmatan bas. *So* [jadi] waktu itu tahun-tahun *tujuh puluhan* [1970], *lapan puluhan* [1980] perhubungan agak sukar hanya ada satu satu jenis perhubungan saja.

MFMP : Berapa bilangan adik beradik tuan?

MSO : Saya ada *dua* [2] *empat* [4]–*lima* [5] orang adik beradik. Daripada *lima* [5] orang adik beradik, saya anak yang ketiga dalam keluarga dan anak yang pertama dengan satu ibu. Abang saya, kakak saya ibu lain. Saya dengan ibu yang lain, jadi dalam ibu yang lain *ni* [ini] saya anak yang pertama. Kami semua *enam* [6]. Enam seayah lain ibu.

MFMP : Boleh tuan sebutkan nama-nama mereka?

MSO : Abang saya nama Ahmad, kakak saya *tu* [itu] Zaidah. Adik kepada saya *tu* [itu] Rosmini, adik seterusnya Rodziah dan adik yang bongsu Mohd Rodzi.

MFMP : Bilakah tuan mendirikan rumah tangga?

MSO : Saya kahwin tahun *sembilan belas lapan puluh empat* [1984], *lapan puluh empat* [1984] atau *lapan puluh tiga* [1983]. *Lapan puluh empat* [1984] kalau tidak salah saya, *tak apa* [tidak mengapa] nanti saya *correct* [betulkan] dengan isteri.

MFMP : Apakah nama penuh isteri tuan?

MSO : (Bunyi batuk) Naimah Binti Yaacob. Sekarang ini sudah bergelar Hajah.

MFMP : Adakah isteri tuan suri rumah sepenuhnya?

MSO : Sepenuhnya. Selepas dia bekerja sekejap di sebuah syarikat swasta lepas bersalin, saya terus suruh berhenti dan jadi suri rumah sepenuh masa.

MFMP : Di manakah dan bila tuan mengenali isteri?

MSO : Kami kebetulan satu daerah dan sebenarnya ada juga hubungan kekeluargaan yang jauhkan *so* [jadi] tidak ada satu insiden yang dramatiklah. Saya dengan diamaknanya tidak ada berlaku peristiwa-peristiwa dramatik macam dalam filem, terserempak, *accident* [kemalangan] kereta ke apa tidak ada.

MFMP : Apakah nama dan berapa bilangan anak-anak tuan?

MSO : Anak *lima* [5] orang, yang sulung Mohd Elham. Mohd Elham lahir selepas setahun saya berkahwin. Pada ketika itu umur saya sekitar *dua puluh lapan* [28], *dua puluh sembilan* [29] atau *tiga puluh* [30]. Lepas itu Ernny Ernihai anak nombor dua. Lepas itu Esmah. *Sorry* [maaf], Erma Esmah dulu lepas itu Eza Elhanis. Lepas itu yang bongsu Mohd Eslah Putra.

MFMP : *Tiga* [3] orang sajalah?

MSO : *Lima* [5]. Mohd Elham anak lelaki, Erni, Esmah, Eza dan Mohd Eslah Putra.

MFK : Semua nama anak tuan pakai huruf 'E' di hadapan?

MSO : Semua pakai huruf 'E'.

MFMP : Sekarang ini anak-anak tuan masih belajar ataupun sudah bekerja?

MSO : *Dua* [2] atau *tiga* [3] sudah bekerja, yang nombor *empat* [4] itu baru

masuk tahun *satu* [1] di UiTM [Universiti Teknologi MARA] di Sri Iskandar [Sri Iskandar terletak di negeri Perak], yang bongsu itu di tingkatan *tiga* [3].

MFMP : Di kalangan anak tuan ada yang sudah mendirikan rumah tangga?

MSO : Sudah *dua* [2] orang. Anak yang pertama dan kedua itu sudah berkahwin dan sudah ada satu cucu.

MFMP : Soalan seterusnya, apakah hobi tuan pada masa lapang kalau tidak kesibukan selain daripada menulis?

MSO : Sebenarnya hobi yang menjadi kegemaran yang saya boleh tumpu (bunyi pintu dibuka dan ditutup) adalah mengenai skop alam sekitar, tetapi itu terlalu luaskan. Tapi kalau *nak* [mahu] kata hobi yang betul-betul yang saya minat, saya minat masuk hutan dan saya suka memerhatikan keadaan alam sekitar. Walaupun memancing adalah sebahagian daripada aktiviti yang saya suka ketika masuk hutan tetapi saya suka memerhati, meneliti dan melihat flora fauna, unggas dan sebagainya. Itu yang betul-betul minat, yang boleh menyentuh perasaan saya. Bukan kata setakat masuk hutan memancing. Bukan setakat itu. Tapi minat seperti ini bukan satu minat yang rutin, cuma sekali sekala. Sebab orang kata kalau hari-hari seperti main golf saya *tak* [tidak] ada *sport tak* [sukan tidak] ada.

MFMP : Kalau hari-hari tuan akan menulis sajalah?

MSO : Menulislah. Menulis ini saya kira boleh juga dikatakan dalam minat tapi sebenarnya sudah jadi profesion saya kan.

MFMP : Siapakah pemimpin atau tokoh yang menjadi contoh dalam hidup tuan?

MSO : Hendak kata saya mengikuti *style* [gaya] ataupun kepimpinan tidak ada satu yang saya ikut tapi kalau saya merasa saya menghormati, saya kagum dari segi *leadership* [kepimpinan] dia dari segi termasuklah biasanya *politicianlah* [ahli politik] sebab saya ini lebih kepada mirip skop politik, kepada pidato dan sebagainya. Cara perhubungan dia [pemimpin] dengan rakyat dan sebagainya, saya suka kepada- mungkin disebabkan saya daripada kecil mengikuti dia punya perjalanan politik diakan, saya suka kepada Allahyarham Tan Sri Dato Mohd Asri Haji Muda bekas Presiden PAS [Parti Islam SeMalaysia]. Lepas itu yang terbaru ini yang saya menghormati adalah Tok Guru Nik Aziz sebab saya juga berkawan dan mengenali dia. Kalau di dalam *UMNO* [United Malays National Organization]- saya tidak meniru dia tetapi saya mengkagumi dia sebagai seorang pemimpin macam *Dr* [Doktor] Mahathir sendiri pun saya walaupun banyak dari segi idealogi, fahaman dan sebagainya ada bertelingkahan dengan saya tapi dari segi aura sebagai kepimpinan, saya juga meletakkan dia sebagai orang yang saya hormati kerana beliau sebagai seorang pemimpinkan. Lepas itu macam Tun Razak ke, Tun Dr Ismail (Bunyi telefon berdering) saya tidak boleh kata sebab saya tak [tidak] pernah sempat melihat dia secara dekat macam Dr Mahathir [Bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke empat]. Lepas tu, Tengku Razaleigh. Tengku Razaleigh juga diantara orang yang saya merasa kagum dengan kebolehan dia, kehebatan dia dan juga

keperibadian dia sebagai pemimpin dan beliau boleh bezakan kerajaan dan status keluarga di raja dia itu [Tengku Razaleigh merupakan salah seorang ahli keluarga Sultan Kelantan]. Dia betul-betul boleh menggauli rakyat bawahan ini tanpa memikirkan soal darjat dan kedudukan status dia. Itu antaranya. Lepas tu *of course* [sudah pasti] kalau lihat dari segi boleh menggerakkan aura politik hari ini si Anwar Ibrahim [Dato Sri Anwar Ibrahim adalah Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia].

MFMP : Kita beralih pula pada kehidupan zaman remaja ataupun kanak-kanak. Boleh tuan ceritakan serba sedikit kenangan-kenangan manis dan pahit semasa membesar di Pasir Mas?

MSO : Saya waktu itu selepas kita melompat ke alam remaja, kita akan masuk satu peringkat memikirkan soal kehidupan kita. Kita ada dua *takah* [peringkat] kehidupan awal kita, remaja tak [tidak] ada sesuatu benda pun yang meninggalkan kesan, yang memberi impak kepada jiwa kita. Selain daripada kita suka berseronok, bermain sawah, mandi sungai dan sebagainya, main bola. Itu tidak ada kesan yang memberi impak. Tapi bila kita masuk ke *takah* [peringkat] yang boleh membuka pemikiran kita. Kita melonjak kepada kepompong keremajaan (Bunyi telefon berdering) pula kita mula terasa disitu kekurangannya, dari segi pendidikan, kemudahan pendidikan kita rasa begitu berbeza. Mempunyai kekurangan berbanding dengan kawasan-kawasan bandar dan sebagainya. Daripada situlah menyebabkan selepas saya berkahwin saya mula mencari satu ruang dimensi baru meninggalkan kawasan atau kampung yang menghadapi berbagai kesulitan dan tidak ada kemudahan itu untuk

berhijrah ke kota. Apa tujuannya? Memberikan ruang pendidikan yang sempurna, agak sempurna kepada generasi saya, anak-anak saya. Itu yang satu kesan yang meninggalkan impak kepada saya- kenapa saya apa berhijrah ke sini. Kalau waktu sebelum remaja, sebelum berkahwin tak [tidak] ada benda yang meninggalkan kesan kejiwaan, impak kepada jiwa sebab kita penuh dengan keseronokkan. Saya boleh bermain apa sahaja dengan apa yang saya minat, pergi masuk hutan, keluar hutan misalnya. Main sungai ataupun menggilapkan saya punya hobi dalam dunia asal tadi penulisan tadi pun. Buat deklamasi puisi seluruh kampung, keluar daripada kampung ke bandar akhirnya kepada kelantan terus bila itu melompat ke bandar Kuala Lumpur, main drama dan sebagainya. Itu diantara perubahan dua takah kehidupan saya daripada alam remaja kepada kanak-kanak. Alam remaja ini memberi wadah untuk kita mula berfikir, untuk fokus ataupun bina satu landasan untuk masa depan. Makanya berhijrah tu kerana tujuan *survival* [hidup], yang kedua untuk beri ruang pendidikan pada anak-anak. So [jadi], setakat ini alhamdulillah saya bolehlah dikategorikan sebagai yang berjaya walaupun tidak besar tetapi saya boleh berjaya mencapai apa yang saya cita-citakan selepas saya terkeluar daripada alam kanak-kanak dan remaja menuju ke alam dewasa.

MFMP : Baiklah seterusnya kita beralih kepada sejarah pendidikan. Bila dan di manakah tuan mula-mula bersekolah?

MSO : Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Gual Periuk.

MFMP : Masa itu tahun berapa tuan?

MSO : *Sembilan belas enam puluh tujuh* [1967] (bunyi telefon berdering).

MFMP : Adakah pada waktu itu masih menggunakan sistem sekolah menengah dan sekolah rendah?

MSO : Ha [Ya], masih sistem itu. Sekolah rendah ni *primary school* [sekolah rendah], *secondary school* [sekolah menengah]. Maksudnya sistem barulah. Sistem ini diguna pakailah sebab tahun itu lepas merdeka sudah, *enam puluh tujuh* [1967] itu. Cuma *enam puluh enam* [1966] itu pra sekolah saya ini lain sikit dari budak lain bukan taska atau tadika. Pra sekolah saya sekolah agama. Sekolah seperti asas-asas pendidikan pondok sempat saya setahun belajar di sana.

MFMP : Adakah sekolah rendah dan sekolah menengah di tempat yang sama tuan?

MSO : Sekolah rendah di Gual Periuk, sekolah menengah di Rantau Panjang.

MFMP : Tuan tidak pernah pindah sekolah?

MSO : Lokasi sekolah lain-lain. Lokasi? Di Gual Periuk itu di kampung saya di Gual Nibong. Lepas itu sekolah menengah saya di pekan Rantau Panjang.

MFMP : Boleh tuan namakan sekolah tersebut?

MSO : Sekolah Kebangsaan Gual Periuk.

MFMP : Sekolah menengah?

MSO : Sekolah Menengah Rantau Panjang.

MFMP : Boleh tuan ceritakan serba sedikit bagaimana suasana dan kemudahan sekolah pada waktu itu sekiranya dibandingkan dengan sekarang ini?

MSO : Sekarang ini kepesatan pembangunan sekolah, peralatan dan sebagainya jauh berbeza. Sekolah waktu itu bukanlah daif, *tak* [tidak] daif sangat sebab kalau *nak* [hendak] bandingkan dengan zaman-zaman waktu sebelum perang jepun *tahun lima puluhan* [1950], *enam puluhan* [1960] itu tidaklah sedaif sangat, sudah adabangunan separuh kayu. Oh bangunan sekolah kebangsaan itu masih lagi kayu sepenuhnyaalah. Dari segi kemudahan *infrastrukturnya* [infrastruktur] tidak begitu memuaskanlah kalau *nak* [hendak] banding dengan era *dua puluhan* [2000] ini. Maknanya terkebelakang saya rasa dalam *enam puluh* [60] *percentlah* [peratus %]. Saya boleh buat perbandinganlah *enam puluh percent* [60 peratus %] itu terkebelakang daripada era *enam puluhan* [1960], *tujuh puluhan* [1970] itu dengan era *dua puluhan* [2000] sekarang ini. Di mana kemudahan waktu itu tidak ada kemudahan-kemudahan *IT* [teknologi maklumat], *TV* [televisyen] pun *tak* [tidak] ada waktu itu. Cuma siaran pendidikan ada jika kita *nak* [hendak] tonton walaupun pada hal waktu itu suda ada siaran pendidikan di televiseyen dan di radio. Kemudahan-kemudahan dan peralatan moden lain macam kamera- bola ada sebiji *je* [saja] sekolah saya dulu. Itu pun kalau guru besar kedekut, simpan dalam almari *last* [akhir] sekali bola itu berkulat

tak [tidak] boleh main. Jadi kalau kita ada sukan tahun akhir semua peralatan dibuat, tiang bendera itu dibuat sendiri daripada kayu buluh dan sebagainya. Baju track sukan pun jahit sendiri, itu hendak menggambarkan waktu itu--- kertas-kertas ini pakai panggil tu bukan__ __ lagi, *type writer* [mesin type] pun ada satu di pejabat saya ingat. Dari segi kemudahan itu, waktu itu memang daif tapi bukanlah daif sangat. Boleh dikatakan kemudahan pada waktu itu *enam puluh percent* [60 peratus %] berbanding dengan era *dua puluhan* [2000].

MFMP : Sewaktu belajar daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah apakah subjek yang disukai dan yang tidak disukai oleh tuan?

MSO : Biasalah kita kalau duduk kampung kita tidak terdedah dengan suasana pendidikan sempurna, yang *tak* [tidak] suka dua *je* [saja]. Subjek yang tidak suka matematik dengan bahasa Inggeris. Tapi sains saya minat. Sains awalan, sains awal ini saya minat sebab sains itu dia lebih kepada praktikal. Kalau matematik *ni*[ini] dia lebih kepada teori dan formula. Kalau sains dia praktikal, kalau tengok pokok ditanam, daun berpecah. Dia guna istilah ‘dalam tanah atas tanah’ itu maknanya proses fotosintesis. Itu praktikal. Itu benda yang saya minat. Kalau matematik tidak, kena bermain dengan teori dan formula, dia main simbol-simbol. Macam dalam masalah bahasa, bahasa Inggeris memang susah payah. Payah untuk saya menyebut perkataan Inggeris dan waktu *tu* [itu] pun motivasi saya *tak* [tidak] ada. Dia tidak mengatakan bahawa *besok* [esok] kita semua ini akan bercakap dengan bahasa ini dan perlu belajar bahasa Inggeris. Kalau sains memang saya minat, kalau soal bahasa Melayu

sudah terbukti minat kerana umur *dua belas* [12] tahun saya sudah menulis, sudah menulis pantun, sajak dan karangan.

MFMP : Adakah tuan aktif berpersatuan dan kokurikulum sewaktu belajar dulu?

MSO : Oh saya aktif. Di sekolah menengah pun saya aktif.

MFMP : Persatuan apa yang tuan sertai?

MSO : Persatuan bahasa Melayu, seni dan budaya dan sukan pun saya aktif. Saya sebagai ketua rumah sukan. Saya main hoki, saya main takraw walaupun saya *tak* [tidak] pandai tapi saya minat juga *tu* [itu]. Lepas itu di sekolah, saya ketua redaksi majalah sekolah. Saya urus semua. Cikgu pun tidak urus, saya yang urus. Saya duduk *kat* [di] pejabat saya *tak* [tidak] duduk dalam kelas. Saya seorang yang malas belajar tetapi tidak ponteng sekolah. Ini berbeza.. Hal-hal sekolah *ni* [ini], mewakili sekolah dalam pertandingan pidato ke, tafsir Quran ke saya akan mewakili sekolah sampailah ke peringkat Pasir Mas *tu* [itu]. Peringkat negeri tidak sampai. Debat ke apa ke, wakil sekolah sayalah tukang debat. Di peringkat sekolah menengah, saya yang menaikkan nama sekolah melalui tulisan-tulisan saya dalam utusan pelajar, dalam majalah, dalam radio. Radio setiap hari akan disebut nama saya, hari Jumaat pukul *dua i* [2] petang rancangan Bunga Bangsa. Dia akan siar tajuk sajak saya dan dia akan sebut nama sekolah. Hari Ahad nanti cikgu itu akan panggil saya supaya deklamasi balik sajak dekat depan *assembly* [perhimpunan] itu. Sajak disiarkan di radio pada tahun *tujuh puluhan* [1970]. *Tujuh puluh*

lima [1975], *tujuh puluh enam* [1976], *tujuh puluh tujuh* [1977].

MFMP : Sewaktu tuan masuk pertandingan debat, tuan pernah menang ataupun pernah kalah?

MSO : *Tak* [tidak] ada, saya cuma bertanding di peringkat sekolah. Sekolah-sekolah Pasir Mas. Terlibat tetapi tidak pernah menang. Pernah mendapat nombor *tiga* [3] sekali *je* [saja]. Lepas itu kalau mengenai kesusahan pendidikan yang perlu dimantapkan seperti mana yang pernah saya sebutkan tadi itu adalah kemudahan pembelajaran termasuk *transportation* [pengangkutan]. Pengangkutan daripada kampung saya hendak pergi Rantau Panjang dalam *tiga* [3] hingga *empat* [4] batu, maknanya dalam berapa kilometer itu? *Dua belas* [12] hingga *sepuluh* [10] kilometer. Disebabkan kemudahan pengangkutan seperti bas masih kurang, kita bergantung pada kereta api. Kita selalu keciciran *tau* [tahu]. Bila kereta api *ni* [ini] perkhidmatan dia tidak teratur, terpaksa kita jalan kaki melalui landasan kereta api itu. Antara pukul *lima* [5], pukul *enam setengah* [6:30] pagi itu berjalan sampai sekolah dalam pukul 8 pagi *tau* [tahu]. Kalau tidak ada kereta api, saya balik jalan kaki. Itu diantara kepayahan dan kemudahan berbanding dengan sekarang *ni* [ini] generasi anak saya. Sekolah naik kereta, turun depan sekolah, ambil daripada sekolah bawa balik. Itu diantara kepahitan anak-anak luar bandar waktu *tu* [itu]. *Nak* [hendak] pergi ke sekolah kita terpaksa kayuh basikal, basikal pula bukan boleh beli. Basikal kayuh dalam *enam* [6] atau *sepuluh* [10] kilometer melalui landasan kereta api *tu* [itu]. Ikut *shortcut* [jalan pintas] baru rasa dekat sikit. Kalau ambil jalan alternatif berpusing

dua butir [2 buah] atau *tiga butir* [3 buah] kampung baru sampai sekolah. Tapi yang suka itu nostalgiknya bila berjalan atas *railway* [landasan] kereta api ramai-ramai. *Dua puluh* [20] atau *tiga puluh* [30] orangkan sebab kereta api tidak ada, ramai-ramai itu dengan berpeluh-peluhnya sambil bekejar, baling buku, *tau-tau* [tahu-tahu] sampai. Itu keseronokan dan juga satu kepedihan, satu nostalgik yang orang kata kalau orang lihat, oh susahnya! Tapi kita sendiri waktu itu *tak* [tidak] merasa kepenatan itu sebab kita ramai jadi dah alah bisa tegal biasa [pepatah orang Melayu].

MFMP : Bagaimana pula dengan pencapaian tuan dalam akademik pada waktu itu?

MSO : Saya waktu itu saya tidak berapa *excellent* [berjaya] dalam pendidikan, dalam *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] pun boleh hidup [keputusan tidak cemerlang tetapi baik]. Tapi saya ini rajin, saya terus pergi sambung pelajaran di Indonesia. Sebenarnya dalam pengembangan saya punya bakat seperti bakat penulisan, teater dan sebagainya. Seakhirnya itu balik, saya mengikuti kursus di *fakultas* [fakulti] politik di sebuah universiti swasta di sanalah.

MFMP : Di Indonesia?

MSO : Di Indonesia tahun *lapan puluh* [1980] atau *lapan puluh satu* [1981] kalau tidak silap dalam *tiga* [3] tahun mengikuti beberapa bengkel kesasteraan di Indonesia, di Sumatera sampai ke Pulau Jawa mengembara sambil mencari ilmu menambahkan pengetahuan hidup.

Balik daripada Indonesia saya terus berkecimpung dalam dunia penulisan, jadi wartawan dan sebagainya. Sebenarnya saya bermula daripada bawah, saya menulis daripada bangku sekolah lagi melaporkan berita-berita. Lepas itu bila masuk peringkat alam remaja, sebab saya ini minat pada politik. Masa itu juga saya menulis, melaporkan, membuat rencana-rencana politik. Peringkat awalnya, peringkat *beginner* [permulaan] di Kelantan selepas itu baru peringkat nasional.

MFMP : Adakah ibu bapa tuan menyokong cita-cita dan juga minat tuan?

MSO : Saya kebetulan dilahirkan dalam keluarga di mana ayah saya ini seorang yang berminat pada politik. Juga merupakan seorang ahli parti politik yang aktif. Saya ini dibawa sedari kecil lagi oleh ayah saya ke tempat-tempat ceramah dan majlis-majlis politik. Jika ke majlis politik, ibu saya juga turut dibawa oleh ayah maka saya pun ikut sama sebab waktu itu juga ceramah politik di Kelantan merupakan satu hiburan. Tidak ada hiburan lain. Ada wayang kulit, dikir barat dan sebagainya. Ayah saya tidak minat pada dikir barat sebab dia anak kepada tok guru. Jadi saya tidak didedahkan dengan aktiviti wayang kulit, dikir barat dan sebagainya. Tapi kalau ada majlis politik dia akan bawa saya. Jadi tidak timbul masalah saya ini dihalang untuk menceburi atau mendengar cerita-cerita politik malah saya ini sentiasa disegarkan dengan cerita-cerita politik, dengan kehebatan pidatonya, dengan tazkirah ataupun didikan-didikan agama, bacaan-bacaan ayat Quran, Hadis dan sebagainya. Jadi dengan ayah saya dia akan cerita balik buat saya dirumah berkenaan kehebatan orang berpidato dan sebagainya. Bagi saya

tidak ada satu halangan dan sekatan untuk menggauli dan menceburi politik ini. Sebab dari kecil lagi saya dibawa dan diasuh secara *informal* [tidak formal].

MFMP : Sewaktu melanjutkan pelajaran di Indonesia, adakah tuan mendapat tajaan biasiswa atau buat pinjaman?

MSO : Saya pergi sendiri, belajar sendiri dan mencari nafkah kehidupan untuk belajar itu sendiri. Bila susah saya menulis. Menulis dalam beberapa surat khabar dan daripada honorium itu saya dapat duit untuk saya biayai pengajian saya. Keluarga tidak hantar- - - .

MFMP : Tidak hantar duit?

MSO : *Tak* [tidak] hantar duit. *Diorang* [mereka] pun *nak* [hendak] hidup. Mereka sendiri pun tidak cukup wang. Jadi saya kerja sendirilah. Salah satu profesion saya menulis. Menulis, aktif dalam persatuan, mengadakan hubungan *contact* [hubungi] dengan ramai kawan, bila kita ramai kawan mudahlah. Hari *ni* [ini] dia ajak makan nasi, kenduri sini kenduri sana. Dari sini saya boleh menjimatkan pembelanjaan saya. Saya belanjakan duit itu betul-betul untuk bayar kos pendidikan saya.

MFMP : Sebentar tadi tuan kata ada menulis di akhbar-akhbar. Berapa mereka bayar tuan untuk satu artikel?

MSO : Jumlah yang dibayar *tak* [tidak] banyak, kalau saya menulis puisi, rencana dan sebagainya. Kalau rencana *tu* [itu] mahal sikitlah. Rencana bayar paling-paling pun waktu itu dalam sekitar *enam puluh* [60] ribu

Rupiah [Rupiah merupakan nilai mata wang Indonesia].*Enam puluh* [60] ribu Rupiah itu saya ingat barangkali dalam Ringgit adalah *seratus* [RM100] lebih. *Seratus dua puluh* [RM120] atau *seratus empat puluh* [RM140] macam itu.

MFMP : Satu rencana?

MSO : Satu rencana. Begitu juga kalau puisi, sajak dan sebagainya *tiga puluh* [RM30] hingga *empat puluh* [RM40]. Tapi suka dengan suasana disana, kita menulis hari ini, *besok* [esok] siar, lusa itu terus kita pergi ambil duit. Tidak tertunggu.

MFMP Itulah, kalau macam pengalaman di sini saya rasa kita kena bawa artikel itu, kena jumpa dengan pihak akhbar baru dia bayar.

MFMP : Bagaimanakah dengan pencapaian akademik tuan di Indonesia?

MSO : Saya lepas masuk di Indonesia, belajar di sana di sekolah menengah atas. Di sana tingkatan *enam* [6] dan selepas itu saya terus masuk ke sebuah kolej kewartawanan di sana di Sumatera. Selepas *tiga* [3] tahun itu kalau di sini panggil *S1* [S1 adalah peringkat diploma di Indonesia] diploma, masuk *S2* [S2 adalah peringkat Ijazah Sarjana di Indoneisa] itu saya tidak sambunglah. Habis setakat itu balik. Balik kahwin pula. Kahwin, bekerja dan terus --- Saya dari segi pencapaian akademik formal tidak berapa tetapi saya lebih kepada ilmu daripada universiti kehidupan saya. Daripada pengalaman ini, sebab kalau dalam dunia kewartawanan daripada peringkat saya, daripada peringkat bawah lagi sebagai *stringer* [wartawan] terus kepada pemberita, pemberita daerah, wartawan kanan

terus kepada editor. Itu saya punya--- kalau akademik *ni* [ini] keluar terus menjadi sub editor. Makna saya daripada bawah naik ke atas. Sebab dari segi kewartawanan, kita perlu mula daripada bawah untuk mendapatkan keluasan dalam bidang ini. Mula dari bawah saya boleh menguasai semua aspek penerbitan ini. Bukan setakat menulis *je* [saja], Dari segi buat *layoutnya* [tata atur], dari segi susun *contentnya* [kandungan] dari segi *formnya* [bentuk] saya *tau* [tahu]. Semua saya *tau* [tahu] grafiknya. Cuma satu sahaja saya tidak boleh menguasai adalah mengoperasikan mesin saya tidak boleh. *Operate* [Operasi] mesin saya tidak mahir. Semua bab penerbitan saya boleh lakukan tetapi apabila sampai ke mesin cetak itu saya tidak mahir.

MFMP : Tuan masih ingat atau tidak siapa teman seperjuangan dalam bidang penulisan sewaktu zaman universiti di Indonesia?

MSO : Di Indonesia *ni* [ini] ada, kalau di Malaysia *tak* [tidak] adalah, saya seorang *je* [saja] waktu *tu* [itu]. Cuma yang juga ikut kursus sama dengan saya nama Taufik agaknya. Taufik pun dia balik tidak sempat habis saya rasa. Taufik Mubarak. Samalah di publistik. Publistik ni maknanya *publication* [penerbitan]. Lepas itu kalau di Indonesia ramailah penulis di sana, penulis-penulis seangkatan kawan saya itu. Saya tidak ingat diantaranya ialah Anuar, Asmadi. Lepas tu_ _ _ nama jawanya. Itu di Indonesialah. Di Malaysia, saya seorang saja masuk ke dunia ini, yang lain semua ambil perguruan dengan doktor pergigian. Oh satu lagi Nasaruddin, Nasarudin bin apa ya? Saya di Medan juga saya jadi juruhebah *TV* [televisyen], *DJ* [juruhebah] untuk cari *side income*

[pendapatan sampingan] saya di radio *amateur* [amatur] di sana. Di Indonesia banyak stesyen radio. Saya mula bertugas pada pukul *sepuluh* [10] hingga pukul *sebelas* [11] malam. Menyiarkan lagu-lagu melayu, menyiarkan pantun dan sebagainya. Satu siaran saya dapatlah *empat puluh ribu* [40,000] Rupiah. *Empat puluh ribu* [40,000] rupiah ini sekitar dalam *enam puluh* [RM60] ke *tujuh puluh* [RM70] Ringgit.

MFK : Boleh tuan namakan syarikat radio tersebut?

MSO : Apa dia?

MFK Syarikat radio?

MSO : Radio Pasu - saya *tak* [tidak] ingat radio Pasu Pati Perkasa atau radio Pati Perkasa namanya. Pasu Pati Perkasa. Saya tidak ingat nama dua-dua jalan syarikat radio itu. Studio itu Jalan Kangkung, depan itu Jalan Iskandar Muda saya rasa. Di Medan, Pasu Pati Perkasa---

MFK : Adakah stesen tu masih beroperasi lagi?

MSO : Saya tidak tahu sekarang ni ada *ke* [atau] *tak* [tidak] ada. Sebabnya stesyen radio itu kecil saja. Kalau kita bersiaran hari ni, ayam berkokok pun dengar.

MFMP : Oh konti dia kecil sajalah?

MSO : Kontinya kecil *je* [saja], konti itu seluas-luas dapur saja. Ada rekod lagu untuk pemain--- kalau di stesyen Medan itu *TV* [televisyen] pun saya ada tapi saya sebab masa itu tidak bekerja di situ. Cuma saya mengelolakan

satu ruangan berbalas pantun di station televisyen Medan. Kita buat rakaman mingguan [hari minggu] siarlah. *Dua* [2] kumpulan saya buat skrip bagi pada *diorang* [mereka] rakam. Dia bayarlah. Itu di stesyen, maknanya di stasyen *TV* [televisyen] Medan.

MFMP : Kita masuk ke sesi seterusnya iaitu dari aspek kerjaya. Tuan mula menulis pada seawal umur *dua belas* [12] tahun kemudian ke Indonesia mencari ilmu penulisan dan di Malaysia pula bila tuan mula serius menceburi bidang penulisan politik.

MSO : Saya sebelum menceburi dalam penulisan buku, saya *ni* [ini] wartawan dan juga penggerak kecil-kecilan seni budaya, teater, puisi dan sebagainya. Sekitar itulah waktu saya berangkat ke Indonesia pun saya mula keluar daripada daerah tahun *tujuh puluh* [1970] *tahun tujuh puluh lapan* [1978] itu saya dah keluar bermain teater dan sebagainya. Keluar dari daerah saya maknanya tempat duduk saya itu ke Kota Bharu dan bandar-bandar lain di Kelantanlah. Saya bermula secara rasmi selepas saya balik daripada Indonesia, saya kahwin lepas itu saya menjadi wartawan sebagai ketua biro kepada sebuah akhbar tabloit Minggu Perdana. Sebelum itu pun saya pernah menulis sebagai *stringer* [wartawan] di pelbagai akhbarlah, Watan, Minggu Tanah Air, Minggu Blouming, Berita Minggu, Berita Harian termasuk juga *Utusan* [Utusan Malaysia]. Itu *stinger* [wartawan] tidak rasmi tapi selepas saya balik secara rasmi *lapan puluh tiga* [1983] *lapan puluh empat* [1984] gitulah saya bekerja dengan Minggu Perdana menjadi ketua biro di Kelantan selepas itu juga saya dipindah ke Kuala Lumpur

bekerja dengan syarikat yang menerbitkan Minggu Perdana juga iaitu di Harian Nasional. Jadi perpindahan itu sesuatu *benda* [perkara] yang memberi peluang yang baik kepada saya sebab saya boleh mencari landasan baru seperti yang saya kata tadi, saya *nak* [hendak] keluar daripada kesempitan ruang hidup saya tadi bila saya bergenerasi saya nak mencari ruang yang lebih selesa. Perpindahan itu jadi ditakdirkan begitu maka bermula dari situlah saya berkembang. Selepas itu, malangnya satu cabaran yang besar bagi saya penerbitan itu ditutup. Saya baru mendirikan rumah tangga, ditutup dalam masa yang sama saya baru mendapatkan cahaya mata, maknanya satu cabaran yang cukup besar. Ini satu ujian sebab hidup di Kuala Lumpur ini bukan calang-calang orang boleh hidup. Ke mana kamu *nak* [hendak] pergi? Saya bila dalam hidup saya hari ini saya tegas ataupun saya ini tidak mudah berputus asa. Sekali saya melangkah tidak akan undur ke belakang. Pergi bersenjata pulang diusung keranda. Itu saya punya prinsip. Lepas itu, saya terus bila tutup kami- - - saya bekerja pula dengan sebuah syarikat yang kami sama-sama bina di sebuah surat khabar tabloit itu Minggu Islam tahun *lapan puluh enam* [1986] rasanya. Selepas *lapan puluh enam* [1986] Minggu Islam pula mengalami nasib yang sama di gantung permit dan sebelum digantung permit Minggu Islam, saya sebagai pengarang, saya berkesempatan mengikuti beberapa buah perjalanan dalam ekspidisi waktu bekerja di sini termasuklah di Pakistan, di Jordan, di Turki, di Mesir dan sebagainya. Bila saya balik, surat khabar tu digantung oleh kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Bila surat khabar itu digantung, saya terpaksa mencari satu wadah baru. Saya

mengambil pendekatan bahawa berjuang atau menulis dalam surat khabar yang agak kontra dengan kehendak kerajaan tidak memberi jaminan untuk kelangsungan hidup sebab kita kena *rating* [penilaian] permit setiap tahun. Maka saya mula tuju kepada penulisan buku tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990]. Itulah sejarah saya dan saya menulis buku secara konsisten, saya tidak berhenti sampailah hari ini. Saya menulis buku antara *dua* [2] hingga *tiga* [3] buah setahun. Cuma *lately* [kebelakangan] inilah saya terlibat dengan penerbitan surat khabar Siasah. *Dua* [2], *tiga* [3] tahun lepas saya agak *slow down* [perlahan] dan kebetulan juga dengan perkembangan penulisan sekarang ini tidak begitu meransangkan dengan adanya media baru, *blog, twitter, facebook* [laman-laman sosial di internet] dan sebagainya. Itulah dia punya kronologi penglibatan saya dalam dunia penulisan secara rasmi dan *non* [tidak] rasmi.

MFMP : Berapa banyak buah buku yang telah tuan tulis dan terbitkan?

MSO : Rasa-rasalah dalam sekitar *empat puluh* [40] lebihlah. *Empat puluh satu* [41] ke *empat puluh* [40]– rasanya *empat puluh lima* [45] buah buku.

MFMP : Boleh tuan sebutkan buku-buku antara yang hangat di pasaran?

MSO : Buku yang *dibanned* [senarai hitam] ada. Buku ‘Talqin untuk Mahathir’ itu *dibanned* [senarai hitam], buku ‘Arqam Militan’ yang saya tulis bersama dengan kawan saya arwah Khairul Anuar Bujang pun *dibanned* [larang]. Buku ‘Mujadid Alam Melayu’ yang mengisahkan perjuangan dan kehebatan Asyaari Muhamad pun *dibanned* [senarai hitam]. Itu

buku-buku yang lebih mirip kepada doktrin pemikiran ataupun ideologi yang agak berbeza dengan kerajaan *dibanned* [senarai hitam], diharamkan. Lepas itu, buku-buku yang boleh dikatakan boleh merubah, memberi keseronokkan dan merubahkan kehidupan saya dan juga memberi rasa kepuasan saya adalah buku ‘Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti’. Buku merdeka kedua, buku ‘Rahsia Asyaari Terbongkar di Luar Negeri’. Buku-buku yang *best seller* [jualan terbaik] bagi saya buku ‘Sumpah dan Air Mata Reformis Bangsa’ yang lahir waktu awal-awal reformasi zaman Anwar. Buku ‘Cinta dan Perjuangan Nonaku Azizah’ antara buku---

MFMP : Kita perlukan buku dan idea yang banyak jika mahu menulis. Dari mana tuan dapatkan sumber-sumber dan idea yang begitu banyak sehingga terhasilnya empat puluh [40] lebih buah buku?

MSO : Saya dah masuk secara rasmi ya dalam bila saya menulis masuk dalam surat khabar, saya tumpu kepada dunia politik makna saya berada dalam maklumat. Saya seolah berada dalam maklumat ini bukan akademik sangatlah maklumat separa akademik sebab dalam buku-buku saya *tak* [tidak] buat kajian secara terperinci. Maknanya ada *metoda-metoda* [cara-cara] tertentu lebih kepada dia anggap sebagai buku popular atau juga disebut sebagai buku politik picisan tapi kita nampak lebih secara popular *rating* [penilaian]. Buku yang melibatkan isu semasa. Bila saya duduk dalam dunia politik maknanya saya berada dalam dunia maklumat, disitulah memudahkan saya untuk menulis cara saya. Menulis mengikut kaedah saya. Saya tidak mengikuti mana-mana teori penulisan

akademik yang perlu ada nak nota kakinya. Itu tidak ada akademik. Kita *non* [tidak] akademik. Bila melibatkan penulisan *non* [tidak] akademik secara tidak langsung boleh meringkaskan dan mempercepatkan penulisan. Kalau *u nak* [awak hendak] tulis buku akademik *u* [awak] memerlukan masa *at least* [sekurang-kurangnya] setahun untuk satu buku atapun dua tahun, kena buat *research* [kajian] dan kena buat perbandingan dan sebagainya, buat kesimpulan begini--- buku akademik macam tesislah ada penghuraian, dia hurai tajuk saja dua tiga bab dan kemudian buat perbandingan. Buku *non* [tidak] akademik ini buku yang popular kita menulis apa yang kita tahu. Kita susun apa yang kita tahu dan kita bentuk penceritaan mengikut kita sama ada diskriptif ataupun secara kritik. Itu memudahkanlah. Saya pula bila berada dalam maklumat politik senang. Lepas itu, dalam maklumat politik pula kita kena rajin, kita kena pandai dan kita kena tahu membina *networking* [hubungan] kita dengan orang ramai. Macam mana *kita nak* [hendak] mendapat maklumat? Macam mana kita nak bongkar rahsia ini- - -

MFMP : Boleh kongsiikan sedikit bagaimana cara untuk bongkarkan sesuatu isu?

MSO : Kita di sini perlu ada sifat-sifat daya keprihatinan yang tinggi. Bagi kita sebagai seorang penulis kita kena ada sifat *intelligent* [bijak] . Kita kena ada sifat kepekaan kepada sesuatu isu *tu* [itu]. Bila ada sesuatu isu, bila kita terdengar sesuatu isu, kita di peringkat awal, selain daripada kita kena bertanya ataupun melontarkan isu. Misalnya kita dapat satu skandal, kita kena lontarkan skandal itu kepada umum. Ini jarang orang

tak [tidak] tahu, tindakan seperti ini dianggap sebagai satu fitnah. Sebenarnya kita dalam strategi, kita dalam taktik kita bukan fitnah tetapi kita melontarkan itu dengan penuh tanda tanya. Tujuannya kita *nak* [hendak] dapat respon, *react* [reaksi] daripada pelbagai orang ataupun pelbagai pihak. Katakanlah kita dapat skandal seorang menteri, kita lontarkan dalam penulisan kita. Sekurang-kurangnya kita menulis kita dapat tahu ada seorang menteri yang melakukan satu penyalahgunaan. Kita membayangkan dalam penulisan kita tu secara berhemah watak menteri-menteri berkenaan, jabatan yang berkenaan. Akhirnya sama ada menteri itu sendiri yang akan melenting menjawab ataupun pihak lain yang menjawab. Daripada itulah kita akan mendapat sumber maklumat dan akhirnya kalau benda itu dapati benar, kita dapatlah maklumat tersebut.

MFMP : Maksudnya kita timbulkan persepsi terlebih dahulu?

MSO : Persepsi dan *provoke* [provokasi].

MFMP : Dan tindakan seperti itu tidak menjadi satu kesalahan?

MSO : *Tak* [tidak] ada tetapi sebelum kita *provoke* [provokasi] sesuatu isu kita kena pastikan dulu bagi pihak kita *ni* [ini], saringan daripada kita sendiri kita yakin benda ini ada. Yang penting asasnya dulu. Yang penting, katakanlah kita menyatakan bahawa hutan simpan di Kelantan *nak* [hendak] ditebang atau diluluskan. Kita dah dapat cerita *tu* [itu]. Ambil contoh macam di Ulu Sat, Kelantan baru-baru ini yang heboh di Kelantan. Kita dah dapat tahu. Sebelum Husam [Dato Husam Musa

adalah ADUN Salor di Kelantan] dedah sebenarnya, saya dulu yang dedah. Saya dah dapat tahu cerita ini ada. Saya tulis dalam *facebook* [media sosial] kononnya ada *tiga ratus lima puluh ribu* [350,000] ekar hutan simpan di Ulu Sat hendak di--- maka *diorang* [mereka] melenting. Mereka kata tidak ada. Mana ada, Machang hanya luas *seratus lapan puluh ribu* [180,000] ekar sahaja. Sedangkan tanah yang hendak dilulus *tiga ratus lima puluh ribu* [350,000] ekar lebih luas daripada tanah yang dia hendak lulus. Umpamanya hutan yang dia lulus dengan hutan yang ada itu sama luas dengan Hong Kong. Mereka tidak tahu strategi saya bila saya dah itu--- bila mereka melenting akhirnya *diorang* [mereka] akan menjawab. Dia pun menjawab bahawa bukan *tiga ratus lima puluh ribu* [350,000] ekar tetapi *tiga ribu lima ratus* [3500] ekar. Nampak tidak? Kalau saya tidak letupkan *tiga ratus lima puluh ribu* [350000] ekar, *diorang* [mereka] akan senyap. Ini dia kata tektik dan strategi macam mana kita hendak dapat--- bila saya heboh isu ini dalam *blog* dan *facebook* [media sosial], keluar pula dalam *dewan* [Dewan Undangan Negeri] dibangkit oleh Husam [Dato Husam Musa adalah ADUN Salor di Kelantan], dijawab oleh Menteri Besar Kelantan. Maknanya asas yang saya sebut dalam penulisan saya tadi, betul. Cuma *figurenya* [angka] salah. Tapi *figurenya* [angka] itu adalah taktik dan strategi. Sebab *tiga ratus lima puluh ribu* [350,000] dengan *tiga ribu lima ratus* [3,500] jauh beza. Mereka akan menjawab isu ini kerana angka yang diberi tidak tepat, sebenarnya bukan *tiga ratus lima puluh ribu* [350,000] ini. Ini sudah fitnah besar. Rupanya isu ini betul cuma baru dimohon tapi tidak dilulus.

MFMP : Itulah dalam Dewan Undangan Negeri tempoh hari ada sebut nama tuan.

Macam ada dengar mereka sebut.

MSO : Orang kata fitnah, bukan fitnah. Apa yang kita fikir ialah *basic* [asas] itu, ada atau tidak benda itu. Katakan ada, habis itu? Perbetulkanlah fakta yang silap itu.

MFMP : Itu antara strategi yang digunakan oleh penulis politik?

MSO : Strategi, itu kena faham.

MFMP : Setakat ini, adakah tuan sudah berpuas hati dengan pencapaian yang telah tuan kecapai?

MSO : Saya rasa saya boleh kata kepuasan tu *seratus peratus* [100%] *tak* [tidak] lah, *impossible* [mustahil] benda itu kan. Tapi saya rasa *tujuh puluh peratus* [70%] apa saya hendak itu sudah tercapai. Saya dah rasa puas saya menulis buku cuma rahsia saya satu lagi yang rasa tidak tercapai. Satu saja. Sebab penulisan buku saya dah puas, pandangan-pandangan saya dalam buku pun diambil kira itu satu kepuasan dan dengan buku juga saya boleh membina sebuah kehidupan saya itu hasil daripada penulisan buku saya. Walaupun disebalik itu orang kata macam-macam, itu biasa penulis upahan, penulis itu--- biasalah. Saya dah--- apa yang penting *tagline* [slogan] saya, kita hanya memahami diri kita. Itu tuduh menuduh itu terpulang pada orang dan saya berpuas hati dengan apa yang saya capai setakat ini. Saya juga disamping dapat melahirkan buku

dan InshaAllah terus melahirkan buku. Saya juga pernah mengelola dan melahirkan sebuah akhbar Siasah tapi kini mungkin dah *tak* [tidak] ada. Maknanya saya dah merekodkan Siasah itu dilahirkan oleh saya untuk beberapa tahun dan Siasah pun dikenali bahawa bila orang sebut Siasah orang akan ingat kepada saya, oh, ini surat khabar *MSO* [Mohd Sayuti Omar] dulu! Ada ke tidak ada lagi dah? Tidak ada ataupun kalau dia hidup besarnya dalam arus yang berbeza tapi akhirnya nanti nama saya juga ada disitu. Itu saya dah puas hati. Cuma satu lagi saya tidak puas hati saya selalu cakap dengan kawan-kawan sekritis dengan saya dulu saya kata saya belum pernah melahirkan sebuah novel. Sebab novel ini adalah cita-cita saya masa di alam sekolah.

MFMP : Masih lagi belum tercapai?

MSO : Saya belum melahirkan. Saya *tak* [tidak] menulis pun novel. Saya tidak terbitkan novel. Maknanya saya menyifatkan buku politik ini anak haram. Anak haram dalam dalam kehidupan saya.

MFMP : Sepatutnya anak halal tu adalah novel?

MSO : Anak halal itu adalah novel sebab kepuasan kreatif sebagai seorang yang kreatif lebih kepada novel atau karya kreatif. *No* [tidak] kreatif adalah diskriptif. Diskriptif campur dengan tadilah persepsi, provoktif dan sebagainya. Diskriptif dengan kreatif adalah berlainan. Kepuasan kepada kreatif.

MFMP : Berbalik pada akhbar Siasah tadi. Boleh tuan ceritakan sejarah

penubuhan dan terkuburkan akhbar tersebut?

MSO : Dia tidak--- dia berbeza sifat tadi Mingguan Islam. Mingguan Islam *tu* [itu] saya terlibat dari segi itu--- saya tidak terlibat diperingkat penubuhan saya hanya karyawan, orang yang mengendalikan sebagai editor. Editor Mingguan Islam. Akhirnya *dia* [Mingguan Islam] digantung. Tapi Siasah ini atas titik peluh saya sendiri daripada syarikat saya sendiri, yang buat, yang *develop* [membina] benda ini dibesarkan akhirnya bila kita menghadapi tentangan, kekangan kewangan dan juga bertentangan kepada cara berfikir dengan rakan-rakan iaitu rakan kongsi akhirnya saya biarkan begitu. Saya serahkan kepada rakan kongsi saya dan saya tidak terlibat lagi dengan Siasah.

MFMP : Adakah tuan keluar daripada siasah?

MSO : Keluar daripada Siasah.

MFMP : Pada tahun bilakah tuan keluar daripada Siasah?

MSO : Tahun lepas. Setahun lepas atau *dua* [2] tahun lepas. [2011 atau 2012]

MFMP : Masih baru tuan keluar daripada Siasah?

MSO : Jadi Siasah beroperasi selama *dua belas* [12] tahun. Sekarang ini saya tidak tahu Siasah ada terbit atau tidak lagi. Erti kata lain saya dah lepaskan pada orang lainlah.

MFMP : Siapa *keyperson* [orang penting] yang menubuhkan Siasah bersama dengan tuan?

MSO : Tidak ada, saya sendiri *je* [saja].

MFMP : Lepas itu baru yang lain-lain masuk Siasah?

MSO : Yang lain *tu* [itu] pekerja, Selepa itu, bila sampai satu peringkat orang *nak* [hendak] berkongsi jadi kita berkongsilah. Jadi lama-lama perkongsian itu membuatkan kami ada pandangan yang berbeza. Kita *tak* [tidak] boleh menegakkan kita punya pemikiran. Kita juga tidak boleh terima pemikiran dia. *So* [jadi], jalan terbaik kita lepaskan dan perlepasan itu juga merupakan satu *personal* [peribadi] kenikmatan kepada saya sebab kita tidak terikat dengan kerja. Kita bebas dan saya kembali kepada asal. Asal sebelum macam sebelum zaman Siasah dulu. Ke mana saya hendak pergi, apa saya hendak kata, penulis sepenuh masa bebas tidak terikat.

MFMP : Kemudian, kami berminat hendak tahu bagaimana pembayaran dibuat kepada penulis sekiranya mereka menggunakan khidmat syarikat penerbitan?

MSO : Semua buku-buku yang saya tulis, saya terbitkan sendiri. Saya terbit sendiri. Syarikat saya *tu* [itu] Tinta Merah. Tinta Merah itu adalah syarikat saya yang dikhususkan menerbit buku-buku yang saya tulis sendiri, saya jual sendiri, saya buat sendiri. Semua saya buat sendiri.

MFMP : Bagaimana pula dengan pencetakan? Tuan cetak di mana?

MSO : Cetak kita kena bagi pada *printer* [Syarikat percetakan]. Kita upah mereka. Baiklah, kita kata sebuah buku dengan ketebalan *dua ratus copy*

[200 salinan]. *Sepuluh ribu* [10,000] buah buku *at least* [sekurang-kurangnya] kita memerlukan *dua puluh lima ribu ringgit* [RM25,000].

MFMP : Dan setakat ini daripada modal *dua puluh lima ribu* [RM25,000] itu, adakah tuan untung atau pernah mengalami kerugian?

MSO : Dia *tak* [tidak] semua untung dan tidak semua rugi. Ada buku saya--- saya *ni* [ini] cermat dalam pengurusan kewangan saya. Saya pastikan buku saya yang terbit itu tidak akan menghilangkan modal asal saya.

MFMP : Maksudnya modal itu dapat balik?

MSO : Dapat balik dan saya pentingkan kalau saya cetak satu buku dengan menggunakan modal *dua puluh ribu ringgit* [RM20,000], saya hendak *dua puluh ribu ringgit* [RM20,000] ribu itu dapat semula. Selepas dapat *dua puluh ribu ringgit* [RM20,000] itu, itulah untung saya. Walaupun dalam perkiraan itu tidak untung. Maksudnya kalau dapat *tiga ribu ringgit* [RM3,000] kita ambil masa dalam *tiga* [3] hingga *empat* [4] bulan. Berapa sebulan? Tapi saya kira tidak ada masalah. Yang penting modal saya itu ada. Selepas cetak buku saya tidak perlu lagi pergi kat bank *ke* [atau], minta *kat* [pada] kawan *ke* [atau] apa *ke* [saja] tidak ada. Sebab saya ada modal tetap saya. Modal tetap ini jangan silap kira *tau* [tahu], modal tetap ini modal yang tidak berkurang dan tidak bertambah.

MFMP : Sampai sekarang modal itu masih ada?

MSO : Sampai sekarang ada. Kalau saya *nak* [hendak] cetak buku hari ni perlukan modal *tiga puluh ribu* [RM30,000], saya ada *tiga puluh ribu*

[RM30,000]. Itu prinsip perakaunan saya yang saya jaga, yang saya stabil sampai hari ini. Sesetengah orang itu cetak sekali buku terus habis modal. *Nak* [hendak] cetak yang kedua terpaksa cari kawan ataupun pergi berhutang dengan *printer* [syarikat percetakan].

MFMP : Maksudnya modal awal itu hasil daripada tuan sendirilah.

MSO : Yalah modal asalnya daripada kumpul sedikit demi sedikit.

MFK : Saya tertarik dengan penubuhan syarikat tuan. Boleh ceritakan lebih lanjut?

MSO : Merah Tinta sebuah syarikat untuk menerbitkan buku-buku saya. Sebuah syarikat enterprise. *So* [jadi] dalam dunia penerbitan, dalam dunia penulisan kita kena ada satu syarikat. Syarikat yang berdaftar dengan *ROC* [pendaftar syarikat]. Jadi kita kena wajib buat syarikat itu jadi penerbit kepada buku kita. Syarikat ini bukan syarikat sendirian berhad, hak peribadi adalah syarikat enterprise. Jadi bila--- itulah bila kita buat sendiri kita boleh menjimatkan kos. Kita tidak perlu bayar kepada berbeza syarikat. Dengan ada syarikat sendiri kita yang menjual sendiri, semuanya sendiri. Keuntungan *empat puluh percent* [40%] berbanding dengan kita beri kepada penerbit. Penerbit kita hanya dapat paling tinggi pun *dua puluh percent* [20%]. Itupun dibayar berperingkat kadang-kadang *dia* [penerbit] tidak bayar. Kadang-kadang *dia* [penerbit] ambil *lamsam* [lebih kurang] skrip kita, dia bayar *tiga ribu* [RM3000]. Dia hendak cetak berapa puluh ribu terpulung pada *dia* [penerbit] kecuali *amount* [jumlah] yang banyak seperti novelis sekarang ini untung besar

sebab buku laku. Itu satu, yang kedua kita cetak sendiri sebab tidak ada penerbit yang berani terbitkan buku kita. Risikonya tinggi. Maka terpaksa buat penerbitan sendiri. Penerbit yang berhati-hati *tak nak* [tidak mahu] terbit buku _ _ _ kena saman dan sebagainya jadi susah. Buku politik susah, itulah kenapa terpaksa buat sendiri dan mempunyai perakaunan yang begitu cermat untuk menyelamatkan modal sebab tidak ada pemodal dalam penerbitan buku politik.

MFMP : Boleh tuan berikan sedikit tips bagaimana hendak menjadi seorang penulis yang berjaya?

MSO : Di peringkat awal. Pertama minat, minat disusuli dengan kerajinan kemudian ditekuni dengan ketabahan. Itu prinsip asas kepada apa-apa pun, kita ada minat dalam satu bidang lepas itu kita rajin menerokai bidang tersebut. Kemudian kita tabah, tabah ini menghadapi segala titik bengit dan sebagainya. Apa-apa bidang aspek itulah asasnya. Begitu juga dalam dunia politik, kalau kita minat. *Ok* [baiklah] kita minat, bila kita minat kita mesti mengetahui semua selok belok politik. *Of course* [mestilah] macam bidang lain juga. Mengkaji dan membaca. Bila kita minat kita mesti ada satu gagasan di dalam kepada kita sendiri. Bila kita minat politik, kita memerhati politik. Kita merasakan ada sesuatu yang boleh kita sumbangkan dalam dunia yang kita minat itu. Sama ada kita rasa perkara ini tidak betul atau kita rasa perkara ini perlu diperbetulkan lagi. Nampak tidak? Contohnya apabila kita minat kita akan ambil satu aspek sebagai contoh kerajaan Kelantan kita pun kaji dan terus kaji. Baca dan terus baca dan dapat ilmu. Disitu bermulanya. Aku kena buat satu

kritikan pada kerajaan Kelantan. Kritikilah. Sudah bermulalah itu. Bermula dengan *kosong* [0] untuk dapatkan *sepuluh* [10], sedikit demi sedikit. Betul atau tidak?

MFMP : Betul.

MSO : Jadi bermula dari kecil tadi, *benda* [isu] yang kecil tadi kita boleh *develop* [bina] orang kritik oh begini dan begini. Selepas itu, perlu kepada kerajinan dan kerajinan itu tadi disusuli dengan ketabahan. Mesti kita kritik, orang kritik kita balik. Berlakulah polemik. Itulah cara dia. Bukannya payah tapi paling utama minat itu tadi. Minatlah yang mendorong kita ini. *Gapoh gapoh* [apa-apa sekali] pun, *dia* [bakat] perlu kena asahlah. Kena asah *sokmo* [selalu] jangan sekaligus. Saya ini *nak* [hendak] sampai ke tahap ini saya kata pencapaian saya *tujuh puluh percent* [70%] saya boleh--- kredit saya ini berapa tahun?

MFMP : Tuan mula menulis daripada umur *dua belas* [12] tahun.

MSO : Berapa tahun? Saya *tak* [tidak] menceritakan lagi dari segi susah payah saya ini *nak* [hendak] sampai ke sini. Makna kita *skip* [melangkaui] saya jawab mengikut apa yang ditanyakan. Cerita *detail* [lengkap] saya sebagai memorial saya betul tidak? Panjang dan menyedihkan pun ada. *Besok* [esok] kalau ada sini, kalau ada kesempatan boleh pergi satu program yang dibuat oleh Hasbie Muda.

MFMP : Oh dia penulis buku yang bertajuk ‘Kemenangan Tertangguh’.

MSO : Itu tajuk buku pertama dia. Dia buat macam seminarlah, dia panggil juga

saya pergi sebagai tetamu di Masjid Petaling Jaya. Dengan menghadiri bengkel-bengkel penulisan untuk melasakkan lagi cara kita menulis kena belajarliah. Sebab itu saya dulu, penulisan bermula daripada bawah lagi dengan minat. Makna pendidikan penulisan ini adalah bengkel, seminar dan sebagainya. Tapi sekarang ini lebih memudahkan sebab kita belajar melalui *Google* [suatu enjin carian dalam talian] *je* [saja]. *Google* saja semua ada. Dulu tidak ada. Ilmu pada hari ini semua dah ada, makna pembendeharaan ilmu sudah ada dalam *Google*. Cuma kita *nak* [hendak] cari itu. Selepas itu bila kita dah rajin, dah berjumpa maksudnya kalau perbendeharaan itu contohnya seperti batu sama ada nanti kita nak ukir jadi apa itu terpulang pada kita. Tapi semua dah ada dalam itu. Dulu tak ada kita kena pergi jauh ke bukit mencari batu bawa balik pula pikul bukan boleh naik apa, sekarang *tak* [tidak] payah dah. *Google* saja ada. *Google* semua dah ada. Dia mempermudah berapa ribu kali ganda betul tidak?

MFMP : Bagaimana cara untuk kita mengawal emosi. Biasalah kalau kita terlibat dalam politik ini mesti ada orang benci kita dan kita juga akan dikritik. Jadi macam mana tuan mengatasi masalah itu?

MSO : Kadang-kadang saya pun *tak* [tidak] boleh mengatasi juga. Kita ada emosikan. Kita ada *mood* [angin], ada selera kadang-kadang tengok melampau kita terpaksa menjawab tapi kita letih kalau kita jawab tapi saya mengambil satu pendekatan yang cukup berkesan bagi saya. Misalannya orang kritik saya dalam *facebook* [media sosial], saya *remove* [buang].

MFMP : *Remove friend* [buang kawan]?

MSO : *Remove friend* [buang kawan], *unfriend* [tidak kawan] kan dia. Buat apa kita melayani orang yang boleh menyusahkan atau mengganggu pemikiran kita. Tapi kalau orang itu mengkritik kita secara lunak berfakta dan mengkritik secara konstruktif *tak* [tidak] ada masalah. Itu satu pendekatan. Kedua, saya tidak ada masalah--- *ok* [baiklah] sekarang ini kalau tidak masuk di dalam *facebook* [media sosial] orang ini akan *SMS* [sistem pesanan ringkas]. Kita terima *SMS* [sistem pesanan ringkas] orang kritik kepada kita, kita baca tapi bagi kali yang kedua agak melampau seterusnya kita jangan baca. Jangan baca, saya tidak baca. Saya akan rekod di sini [sambil menunjukkan telefon bimbitnya] baiklah saya letak nama hantu *satu* [1], hantu *dua* [2], hantu *tiga* [3], hantu *empat* [4]. Keluar saja nama hantu saya abaikan dia. Jangan baca. Sama ada dia minta maaf ke, dia hentam lagi ke, jangan baca. Terus *remove* [buang]. Sebab itu orang berkasih dia payah hendak putus kasih bila dia baca balik surat kekasih dia. Dia sudah *aim* [matlamat] dah hendak putus, *mari* [dapat] surat dia baca, baik balik.

MFMP : **Menggamit kenangan lalu.**

MSO : Jangan baca, bakar terus. Orang kata kejam. Tidak, kejam itu adalah ketegasan. Ketegasan itu adalah memberi kepuasan kepada kita. Dia layan setakat *dua* [2] kali saja, jangan *tiga* [3] kali. Saya tidak ada masalah kalau orang perbetulkan saya. Dia *mari* [datang] lagi sekali saudara tolong perbetulkan tulisan dalam masa *tiga* [3] minit. Pernah

tengok tidak status saya? Saya bagi amaran *tiga* [3] minit. Saya tengok jam, *tiga* [3] minit saya *remove* [buang]. Orang kata *bekeng* [garang], pedulilah. Oh *bekeng*lah [garang], garanglah. Tuan ini begini dan begini. Ada pula yang hantar merayu-rayu, tuan saya tidak akan melampau dalam *facebook* [media sosial]. Saya kata saya akan bagi *u* [awak] peluang yang kedua yang ketiga tidak ada. Saya *remove* [buang], *unfriend* [tidak kawan] satu orang itu, dia rayu lagi saya kata saya sudah bagi peluang yang kedua saya *tak* [tidak] akan bagi selama-lamanya. Habislah. Jadi itulah kita sebagai penulis, satu lagi sikap yang tidak baik sikap yang negatif kita perlu juga kepada sikap yang positif sebab sikap positif boleh memperbaiki kita. Tapi kita tengok sejauh mana dia berinteraksi dengan kita. Makna kita kena perlu tegas, perlu berlembut, perlu menurun. Kalau kita menghadapi masalah yang besar sekejap kita lembik tidak semangatlah. Habis semangat, kita tidak mahu teruskan.

MFMP : Orang kritik sikit kita tewas.

MSO : Oh habis. Kita biasa. Kalau saya tulis buku sokong Anwar [Dato Sri Anwar Ibrahim adalah Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia] orang kata Anwar upah. Tulis buku sokong Mahathir [Tun Dr Mahathir Mohamad mantan Perdana Menteri Malaysia], Mahathir upah. Tulis buku mengenai Pak Lah [Tun Abdullah Badawi mantan Perdana Menteri Malaysia], Pak Lah upah. Tulis buku Sanusi [Sanusi Junid mantan Menteri Besar Kedah], Sanusi upah. Jadi saya ini adalah penulis upahan. Menulis buku Tok Guru, Tok Guru upah. Menulis buku hentam Tok Guru pula, siapa upah? Jadi hendak kata apa? Hak dia menuduh,

tuduhlah. Cuma saya berani kata, kalau hendak bercakap perlu berdepan, jangan kata belakang. Cakap belakang, sebab itu saya tidak layan orang sama seperti orang yang tidak ada wajah di *facebook* [media sosial]. *Friend-friend* [kawan-kawan] hantu ke, komentar-komentar ni tidak ada nama saya tidak layan.

MFMP : Mereka menggunakan akaun palsu?

MSO : Tipu. Kalau berani berdepanlah. Saya suka berdepan, saya hendak kata orang pun saya berdepan. Politik, *politician* [ahli politik] saya cakap depan-depan saya tidak ada main belakang. *Be gentleman* [perlu berani]. Jadi tips kita sebagai seorang penulis politik keberanian mesti ada, kegigihan mesti ada. Selepas itu maknanya ketegasan dan sebagainya. Sikap menerima pun kena ada jugalah. Tapi lebih kena berhati-hati dan penulis politik ini, saya selalu orang tanya saya macam mana kalau tulis buku politik. Pertama tadi soal minat, minat ini termasuk sekali dengan bakat. Selepas itu akan pergi kepada soal keberanian. Ada bakat, keberanian, satu lagi mesti ada modal. Sebab apa? Modal ini diperlukan sebab tidak ada orang mahu menerbitkan buku politik sebab risikonya tinggi. Kita kena ada modal sendiri. Kena buat syarikat sendiri. Kena jual sendiri. Saya mengamalkan prinsip-prinsip itulah atau itulah kaedah saya yang boleh bertahan sampailah ke hari ini. Alhamdulillah sampai hari ini. Saya rasa *tujuh puluh percent* [70%] itu berjayalah.

MFMP : Sepanjang menulis buku politik, pernah atau tidak tuan disaman?

MSO : Saman itu biasa. Ugutan itu biasa. Saman ini rekod tuntutan yang paling

mahal saya boleh *claim* [tuntut] saya rasa saya yang paling mahal sekali. Pernah disaman dan dituntut sebanyak *tujuh puluh lima juta* [RM75,000,000].

MFMP : Saman itu berjaya atau tidak?

MSO : Saman itu tidak berjaya tapi makna saya disaman.

MFMP : Disaman kerana tulisan apa itu?

MSO : Buku saya dalam buku 'Sumpah dan Air Mata Reformis Bangsa'. Saya disaman oleh bekas *CM* [Ketua Menteri] Melaka, Rahim Tamby Chik kerana menuduh, menfitnah dia skandal dengan budak sekolahkan?

MFMP : Oh yang Lim Guang Eng tampil bela budak perempuan itu.

MSO : Saya kata pada Rahim Tamby Chik *proceed* [teruskan]. *Last* [akhir] sekali dia tidak *proceed* [teruskan] pun.

MFMP : Adakah selesai di luar mahkamah?

MSO : Tidak selesai. Dia hantar surat tuntutan supaya saya buat permohonan *apologies* [maaf] *dekat* [pada] dia kalau tidak dia akan bawa ke mahkamah. Saya tidak buat, saya kata ok_ _ _ Saya perli pula *kat* [pada] dia itu, saya hantar *kat* [pada] *lawyer* [peguam] dia. Saya kata tuan datang kita selesai di luar mahkamah kes ini. Saya cabar beliau, tuan datang ke rumah saya *amik* [ambil] cek *lapan pulu satu juta* [RM81,000,000] *cash* [tunai]. Diam dia. Mungkin dia kata gilalah orang macam ini. Saya buat, maknanya ugutan-ugutan atau fenomena-fenomena yang

negatif seperti ini kena berani menghadapi. Kalau tidak berani, *collapse* [rebah] kita. *Dua puluh juta* [RM25,000,000], *lima puluh juta* [RM50,000,000] biasa saya kena saman. Berjujub kena saman. Ada yang pergi mahkamah. Ada yang tidak pergi mahkamah. Dengan bekas kerajaan Kelantan, seorang pegawai sama *dua puluh juta* [RM20,000,000]. Itu biasa. Ugutan polis datang geledah rumah semua ini.

MFMP : Pihak polis pernah masuk ke dalam rumah tuan?

MSO : Pernah masuk. Tunggu dengan *truck* [lori] biasalah itu.

MFMP : Tuan pernah ditahan oleh pihak polis?

MSO : Tahan untuk soal siasat *sembilan* [9] hari kena. Saya tidak pernah ditahan dalam lokap.

MFMP : Selama sembilan hari itu tuan cuma perlu datang ke balai polis sajalah?

MSO : Datang balai atas kita punya kesetiaan, *friendship* [persahabatan] kita dengan polis. Tapi kita kena tahanlah, kena sekatan daerah dan macam-macam itu biasa. Bukan kita hendak. Benda itu memeritkan tapi siap sedia untuk berdepan. Macam kita turun ke laut seperti nelayan, *life jacket* [jaket keselamatan] ada, mesti kena ada tapi kita jangan merasakan kita selamat dengan *life jacket* [jaket keselamatan] itu kerana bila-bila masa saja perahu kita boleh dipukul gelombang. Kita kena siap dengan *life jacket* [jaket keselamatan], kita kena siap tahu berenang.

Kalau tidak siap karam habis. Begitulah perumpamaannya.

MFMP : Pada pendapat tuan, bagaimanakah caranya untuk kita mengatasi bentuk-bentuk penulisan yang mempunyai unsur penindasan, doktrin dan pembodohan?

MSO : Kalau ambil cara saya tadi. Prinsip yang saya guna pakai, saya tidak baca. Tetapi sikap tidak membaca sebuah media adalah sikap yang kurang bijaksana--- kita kena baca. Tapi maknanya prinsip saya dalam soal ini tidak boleh dipakai. Dalam satu segi dengan *Utusan* [Utusan Malaysia] sebab dia sebuah media kita kena baca. Sebab apa? Kita hendak tahu apa yang ditulis. Sebab kalau kita tidak tahu macam mana kita mahu menjawab dan sebagainya. Persediaan yang kita ada untuk berhadapan dengan media-media ini ialah ketahanan mental kita. Ketahanan mental kita termasuklah mental kita ini anjal. Anjal ini berkembang dan kritis terhadap apa yang ditulis. Maknanya dalam kepala kita kena ada pertama kita kena *request* [mohon] apa tujuan dia tulis--- politik. Bila politik saja mesti benda itu tidak betul. Saya ada formula tersendiri berhadapan dengan *Utusan* [Utusan Malaysia] seorang kroni yang saya panggil PB ini. Media PB ini. Saya ada teori ataupun formula tersendiri.

MFMP : Apakah yang dimaksudkan dengan PB?

MSO : PB ini kena ditanya pada *PM* [Perdana Menteri] (ketawa). Formula dia (MSO minta air kepada isterinya) surat khabar ini asas dia dalam sesuatu laporan dalam media PB ini (gelak) *tiga puluh percent* [30%] saja dan *u*

[awak] *divide two* [bahagi dua]. Jadi berapa? *Lima belas* [15]. Kemudian *divide two* [bahagi dua]. *Tujuh* [7]. Kemudian *divide two* [bahagi dua] lagi. *Tiga peratus*[3%] saja dari segi kesahihan. Asas kepada apa yang--- bukan semua beritalah maksudnya kalau berita sukan dan sebagainya itu betul. Tapi kalau ada motif politik asasnya hanya ada *tiga percent* [3%] saja. Yang lain itu semua manipulasi, persepsi negatif, provokasi dan sebagainya. Itu saya maksudkan ketahanan dan keanjalan mental kita dalam menghadapi tapi kalau ambil sikap tidak baca seperti prinsip yang saya ambil tadi tidak boleh. Dengan media kita kena baca sebab itu yang terbaru saya menulis *MB* [Menteri Besar] Kelantan jangan bergaduh dengan Berita Harian. Jangan saman. Bergaduh dengan media massa ini adalah sesuatu pergaduhan mencari musuh yang paling bodoh bagi pihak penentang. Sebab tidak akan menang.

MFMP : Maknanya mereka akan tulis keburukan tentang kitalah kalau kita bermusuhan dengan dia.

MSO : Dia akan *attack* [menyerang] kita. Jadi bila berdepan dengan *Utusan* [Utusan Malaysia], Berita Harian dan sebagainya ataupun sebaliknya orang *UMNO* [United Malays National Organization] baca Harakah. Baca dan tahan. Kita kena ada *filter* [penapis] tersendiri dalam kepala ini kita baca untuk baca--- saya bagi kursus ada Penerangan PAS Selangor. Utusan *ni* [ini] jangan *tak* [tidak] baca, baca tapi jangan percaya. Sekadar untuk *ambik* [ambil] tahu *je* [saja]. Baca dan jangan percaya. Sebab *basic* [asas] dia hanya *tiga percent* [3%] saja yang kerana dalam berita politik pasti tokok tambah. Tapi dalam bukan semua aspek beritalah. Kalau

berita-berita sukan, berita-berita nombor ekor (ketawa) tidak boleh tipu. Ataupun berita-berita yang berbentuk fakta iaitu *figure* [gambaran] tidak boleh beri maklumat salah, kena tepat. Kalau berita politik---

MFMP : Pada pendapat tuan, apakah pendidikan politik dan sejarah penting untuk negara kita? Maksudnya anak-anak muda hari ini, kebanyakannya tidak mahu ambil tahu tentang keadaan politik dan bila sebut saja tentang politik, itu negatif. Boleh tuan bagi pendapat?

MSO : Penting dari segi pembangunan bangsa dan negara. Mesti bertunjangkan kepada sejarah. Sejarah *tu* [itu] walaupun benda yang agak berbeza dengan politik tapi ada hubung kait yang begitu intim. Sebab, biasanya kalau orang yang *nak* [hendak] berpolitik dia mesti mengambil sejarah sebagai bahan, sebagai modal untuk dia berpolitik. Jadi dalam hal ini dua aspek yang berbeza tetapi berada di dalam satu rangkuman yang sama. Sebab kalau kita berpolitik kita perlu ada tujuan. Kita mahu berkuasa untuk membangunkan negara, bangsa dan agama. Itu politik. Tidak ada tujuan lain politik. Itu tujuan politik. Ada sesetengah orang berpolitik mungkin dapat kuasa dia akan mengkhianati negara. Dan untuk membina bangsa dan negara itu mesti berasaskan kepada sejarah. Sejarahlah yang menjadi cerminan untuk kita melihat buruk dan baik, alat untuk buat perbandingan. Kalau kitalemah dalam sejarah, *tak* [tidak] pedulikan sejarah, *so* [jadi] macam mana kita hendak mempunyai *asset* atau modal politik kita untuk berpolitik. Makanya sejarah dalam konteks ini cukup penting dalam dunia politik itu sendiri. Yang mana anak-anak muda

mesti kena mengambil berat kepada sejarah dan melihat kepada politik, apa lagi sistem negara kita ini, pemerintahannya dibentuk secara politik. *Ok* [Baiklah] demokrasi. (bunyi telefon) Kalau kita tidak peduli pada politik makna kita tidak pedulikan kepada demokrasi, tidak pedulikan kepada sistem yang ada sekarang *ni* [ini]. Jadi kalau kita tidak pedulikan sistem ini menyebabkan kita akan terabai dalam tanggungjawab dan *responsibility* [tanggungjawab] kita sebagai rakyat untuk membangun negara. Bila sebut politik, bukan saja demokrasi, politik itu terlalu luas kalau kita *gi* [pergi] dalam pentafsiran mengikut agama, politik *tu* [itu] dipanggil sebagai siasah. Siasah itu luas, saya rasa itu bukan demokrasi, skop siasah adalah luas. Makan, budaya, pendidikan, sukan itulah semua termasuk ke dalam siasah. Tapi kalau kita sebut politik dalam konteks Malaysia pada hari ini, dia menjadi sempit. Kita hanya lihat politik itu terbatas hanya kepada parti-parti politik. *Tu* [itu] sebenarnya persepsi yang sempit, yang salah. Kita perlu perluaskan skop itu, barulah kita tidak terikat atau *rigid* [tegar] dengan sesuatu ideologi. Tolong perluaskan maksud politik, huraikan dia punya pemahaman. Baru kita dapat melihat bahawa politik penting. Ada tidak sekarang ini bila sebut politik dia menjadi malas sebab dia hanya tengok *PAS* [Parti Islam se-Malaysia], *UMNO* [United Malays National Organization], *Perikatan* [Perikatan adalah Barisan Nasional]. Salah kita dalam mentafsirkan politik menyebabkan orang merasa negatif kepada politik akhirnya dia tidak peduli kepada politik. Jadi politik dan sejarah tadi cukup penting sebab dia berkaitan antara satu sama lain. Sejarah ialah modal kepada politik atau siasah ini. Kalau kamu tidak (bunyi telefon) menyalami

sejarah bangsa, sejarah negara, sejarah tanah air, *cam* [macam] mana kamu mahu membina satu siasah yang kuat bagaikan--- maka penekanan ini sangat penting. *Ok* [baiklah] peringkat pendidikan atasan hatta daripada bawah daripada peringkat menengah sekali pun kita perlu tanam dengan soal-soal sejarah negara dan sebagainya. Jangan nanti kita *duk* [tengah] cakap sekarang *ni* [ini] sejarah hanya sebagai mata pelajaran untuk lulus. Itu tidak bagus. Sejarah perlu dihayati, perlu dinilai, perlu didebatkan, perlu dibahas, dan bukan setakat membaca sejarah, sejarah yang sebenarnya perlu dicipta. Dicipta. Cipta sejarah baru. Sejarah ialah membangun, seharusnya lebih dinamik, sejarah yang lebih kedepan, sejarah yang boleh meletakkan martabat kita tinggi. Kita selalunya hanya membaca sejarah tetapi takut untuk mencipta sejarah. Kita seharusnya mencipta sejarah dan terus membaca sejarah.

MFMP : Mengenai sejarah, saya ada baca satu artikel yang menyatakan bahawa sesetengah ahli akademik kata sejarah kita tidak pernah merdeka, kita tidak pernah dijajah kemudian (bunyi telefon) ada yang kata sejarah tipu. Apa pendapat tuan mengenai hal itu?

MSO : Kalau kita hendak bercakap pasal sejarah kita kena bercakap dengan penuh kebenaran dan ketelusan. Jangan kita bercakap mengikut alunan irama, kehendak-kehendak majikan kita. Kita bercakap dengan ikhlas. Kita menjadi orang yang ikhlas terhadap sejarah. Kita memberi kebebasan untuk pembuat pentafsiran dalam pelbagai bentuk penghuraian dan sebagainya. Kita bebas, kamu *nak* [hendak] buat tafsir macam mana, boleh, tetapi biar jujur. Dan jangan ikut lenggang-lengguk

majikan, kalau kita bermajikan kita hendak bersuara memenuhi kehendak majikan itu tidakan tidak betul. Kita mesti jujur kepada diri sendiri dulu. Kita kata mesti kita kata sejarah sekarang ini kita tidak dijajah, kerana apa, sebab kerajaan kita hendak kepada benda itu. Sedangkan hakikatnya, kita dijajah. Atau sebaliknya, kalau kita tidak dijajah kerana kepentingan politik posisi pembangkang perlu mengatakan begitu maka kita berkata begitu, tidak jujur juga. Maka kita kena jujur mencari sesuatu titik temu yang sebenarnya atas kejujuran dan ketulusan kita pada sejarah. Baru dapat sejarah yang murni. Baiklah. Berbalik kepada soalan itu tadi apakah kita tidak dijajah? Yang ini kata kita tidak dijajah, mesti dia ada hujah-hujahnya. Hujah-hujah yang ilmiah dan jujur. Jangan *tendency* [kecenderungan] kepada majikan kita pandang pada konteks mana? *Ok* [Baiklah]. Yang kita sebelum ini, kita menamakan Portugisnya, Belandanya, Inggerisnya, Jepunnya, bukan itu bangsa penjajah? Atau pun baru kita istilahkan dia ini penjajah apabila dia memerintah *sini* [Malaysia] sekian-sekian tahun? *Dua* [2] dekad, *tiga* [3] dekad, *empat* [4] dekad. Maknanya kalau *dua* [2] hari itu, *tiga* [3] hari itu bukan penjajah? (bunyi pintu) Itu satu penjajahan yang berfakta begitu. Tetapi bagi saya penjajahan yang sebenar penjajahan tidak perlu kepada tekanan fizikal. Hendak buat ini tidak boleh. Kamu sekat pemikiran orang itu, kamu menjajah, mengeksploitasi pemikiran orang itu adalah satu penjajahan. Itu adalah salah satu bentuk penjajahan. Penjajahan tidak fizikalkan? Kamu menjadikan spiritual itu adalah suatu penjajahan. Maka kalau kita hendak mengatakan, bagi sayalah dalam soal kita tidak dijajah, baik dari segi fizikal saya rasa itu terlalu naïf

sangat. Kita menolak fakta yang telah kita terima berdekad-dekad lalu. Dulu kita *nak* [hendak] membangkit semangat *ore* [orang] ini, kita mesti (bunyi pintu) bermula daripada negara kita sendiri. Kita mesti membangun bangsa kita sendiri. Apa makna kita melaungkan dulu? Tiba-tiba sampai pada satu peringkat ini, oh kita tidak pernah dijajah. Mana ada kata kita tidak pernah dijajah, siapa kata? Ahli akademik ini, kenapa kamu hendak membutakan mata rakyat, kerana kamu (bunyi pintu) hendak memenuhi lenggang-lengguk, irama, kehendak (bunyi telefon) majikan kamu. Maaflah saya menggunakan majikan. Tidak boleh keluaran kenyataan begitu. Sejarah sebenar kata kita pernah dijajah katalah jajah. Apa nak malu. Saya mudah saja, saya hendak menyatakan sesebuah negara itu, tidak boleh mengakui dia tidak dijajah selagi dia tidak menjajah. Kitalah sesuatu bangsa yang tidak menjajah orang. Maknanya kita dijajah. Ertinya kalau kamu tidak kaya bermakna kamu, apa dia? Miskinlah. Bangsa melayu ada atau tidak menjajah bangsa lain? Tidak ada. Maknanya kita dijajah. Itu secara logiknya, mengapa hendak pertahankan kita tidak dijajah _ _ _ _ katalah kita tidak dijajah, setelah berapa tahun kamu bermajikan kepada pemerintah, baru kamu keluaran kenyataan seperti ini. *Confius* [keliru] habis anak-anak murid kamu. *Confius* [keliru] balik, dia dengan *lecturer* [pensyarah] dia dulu berapa puluh tahun ini belajar negara kita dijajah, macam mana professor? Saya tidaklah anti *academicians* [ahli akademik]. Tidak ada makna kalau dia bercakap dengan nada dan lenggang-lengguk majikan, sebab saya tulus dan saya *straight* [tegas]. Saya tidak kira. Macam juga saya tulis, pembangkang tidak betul, tidak betul. Prinsip saya selalu

macam itu.

MFMP : Itulah ada sesetengah orang kata, bila kita kritik kerajaan, kita anti kerajaan.

MSO : Tidak. Jangan mudah kata begitu. Kita mudah berperangangka begitu. Mengapa hendak berperangangka begitu?

MFMP : Kemudian daripada skop mahasiswa, kalau macam dulu kita tengok tokoh-tokoh mahasiswa, seperti Anwar Ibrahim, peranan beliau ditengah masyarakat begitu menonjol. Jika hendak dibandingkan dengan zaman sekarang, kena habiskan belajar dahulu baru boleh masuk dalam politik. Apa pendapat tuan?

MSO : Dia sekarang ini dalam erti kata lain, ada juga pagar-pagar atau pun batas-batas yang elok dilakukan kerajaan atas masalah untuk melahirkan siswa yang komited dengan pendidikan. Itulah matlamat pendidikan kita pun. Tapi kalau kita memagarkan dia itu dengan pagar yang begitu kebal, sehinggakan tidak memberikan ruang dan nafas atau pun lubang kecil untuk diintip oleh mahasiswa dengan dunia luar, adalah satu benda yang terlampau. Kalau tanya saya, kita harus berani memeberi ruang kerana dengan ruang itu akan melahirkan mahasiswa yang berketerampilan, tidak dikongkong oleh sesuatu lingkungan yang kita mahu- tetapi kalau melampau juga, ialah dalam Islam itu sendiri ia menyatakan bahawa kita mesti dalam bersederhana dalam apa-apa pun. Kalau melampau sangat pun tidak boleh, di zaman *tujuh puluhan* [1970] dulu_ gerombolan waktu Anwar, dia melihat sesuatu suasana yang tidak

baik kepada kerajaan. *Ok* [Baiklah]. Natijahnya, apakah kesan buruk yang telah dilahirkan oleh waktu itu dengan apa yang telah Anwar buat? Saya tengok kesannya tidak buruk. Kesannya positif kepada kerajaan sebab kerajaan mengambil sikap proaktif dengan apa yang dibangkitkan oleh mahasiswa. Betulkan? *So* [jadi] kalau kita berpandukan pada sejarah itu, apa yang perlu kita takut, nak *apply* [aplikasikan] apa yang berlaku di *tahun tujuh puluhan* [1970] itu di *tahun dua puluhan* [2000] ini. Sepatutnya diteruskanlah. Malahan di zaman inilah perlu mahasiswa diberi pendedahan sebab mahasiswa zaman ini mempunyai kualiti pendidikan, *access* [akses] maklumat yang banyak. Dia boleh menggunakan pemikiran sendiri. Kalaulah kita katakan mahasiswa bertindak menjauhkan kerajaan, bermakna kerajaan tidak mempersiapkan diri dia menjadi sebuah kerajaan yang elok. Mahasiswa ini ialah pemimpin masa depan, tidak mungkin dia mahu membentuk suatu benda yang buruk, mesti benda yang baik. Maknanya kamu tidak ikhlas, tidak akan kamu hendak memagar selama-lamanya? Tidak boleh. Dia boleh menggetarkan jasad seseorang itu, pemikiran dia di luar. Maknanya, kamu bagilah peluang, sebab itu Malaysia ini kerajaan ini bagi makan kepada rakyat untuk rakyat menjadi gemuk. Sebab itu jiwa sakit. Makan pun makan begitu saja, (ketawa) perasaannya tidak mantap. Jadi saya rasa kerajaan tidak perlu takut, tidak perlu bimbang sebab mahasiswa kita sudah tahu dia punya budaya. Dia hanya lantang di kampus saja, apabila dia keluar di alam lain, dia mula membuat satu perhuntingan yang lain. Biarlah. Sebab pada pendapat saya, tindakan mahasiswa itu sebahagian daripada *mental exercises* [latihan minda]

diorang [mereka] ini untuk muncul sebagai warganegara masa akan datang.

MFMP : Jadi maksud ‘memagar’ itu maknanya kita sekarang ini ketandusan tokoh muda. Dalam keadaan memagar pun kita boleh lihat mahasiswa seperti Safuan Anang, Adam Adli. Adakah kita hanya ada *dua* [2] atau *tiga* [3] orang itu saja jika hendak dibandingkan dengan dulu dimana hampir seluruh mahasiswa di kampus ambil tahu tentang isu semasa dan berada di tengah-tengah masyarakat?

MSO : Jika kita lihat yang Safuan, *dua* [2] *tiga* [3] orang mahasiswa yang berani keluar daripada pagar dan dia bertepik maka dia berani dan dia dilihat sebagai pemimpin. Itu kerana kebetulan dia ini ada keberanian dan capur dengan kedegilan. Sebab itu dalam mahasiswa ini zaman Lutfi lagi saya nasihat kepada dia sewaktu dia aktif lagi di *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia], saya kata, “Lutfi, beraktif mempertahankan purdah, pertahankan juga. Tetapi *anta* [kamu dalam bahasa arab] mesti selesaikan dulu pengajian.” Pengajian kena selesai, tetapi dia lebih agresif kepada melawan Senat dan sebagainya akhir dia kena buang daripada universiti. Sedangkan bila masuk universiti, yang pentingnya ijazah, kecuali kamu tidak mementingkan ijazah. Selesai. Macam itu juga, berpolitik macam mana pun orang hanya kenal setakat itu sajalah.

MFMP : Ada betulnya kerana sudah tidak kelihatan lagi kelibat dan berita mengenai dua orang mahasiswa itu.

MSO : Tidak ada cerita dah, lama-lama tenggelam macam itu. Dia soal

kepimpinan ini, dia akan wujud selepas dia keluar nanti. Apabila keluar nanti dia dapat ijazah, dia keluar dan waktu itu--- Adalah, dia bolehlah kata berjuang dalam dunia mahasiswa sebagai *asset* [aset] dia untuk jadi pemimpin itu, dikenali dan sebagai di kampus lagi. Tetapi tidak berapa berbaloi. Kita tengoklah, kita ambil satu contoh, si Rafizi. [YB Rafizi Ramli adalah Ahli Parlimen Pandan] Adakah dia menjadi gerakan pelajar yang hebat dulu? Tidak ada, Nurul Izzah [YB Nurul Izzah adalah Ahli Parlimen Lembah Pantai] kalau_ adakah dia seorang gerakan pelajar yang hebat? Tidak ada, si Tian Chua [YB Tian Chua adalah Ahli Parlimen Batu], saya rasa pun tidak ada. Tetapi dia berkembang selepas melalui zaman belajar. Maknanya, tidak semestinya lantang di kampus itu akhirnya akan menjadi pemimpin yang hebat di luar, dan maksud tepat ini mereka tidak lari dari prinsip perjuangan yang asal. Sama juga yang tahun-tahun *tujuh puluhan* [1970]--- boleh bilang seorang-seorang yang tersasar, betul tidak? Maknanya dalam istilah katanya kita kena berpada. Jangan terlebih dan jangan terkurang sangat. Tetapi kalau kerajaan mengambil sikap pengawalan itu, kerana dia bimbang kepada tindakan mahasiswa itu suatu tindakan yang tidak betul dan tindakan yang tidak *relevant* [munasabah] lagi dengan peredaran zaman sekarang ini. Kalau kita perbetul, kerajaan kita bagus mula-mula ini, mahasiswa akan menyokong sebab mahasiswa ada minda. Dia protes itu kerana nampak ada sesuatu yang tidak kena atau maksud lain kontradif dengan dia.

MFMP : Adakah betul Melayu itu berpecah disebabkan parti politik? Seperti

mana yang Tun Mahathir kata, orang Melayu berpecah sebab ramai pemimpin keluar UMNO kemudian menubuhkan tubuh parti lain.

MSO : Kalau kita hendak tengok kepada apa pengertian berpecah ini, perpecahan itu apa benda? Apa yang kita hendak pada maksud perpecahan itu dulu? Perpecahan puak? Perpecahan kerana aliran ideologi dan agama? Sebab kita kena ingat, *satu* [1] pepatah Melayu, cincang air tidak akan putus, sebusuk-busuk daging dilapah dicicah akhirnya dimakan juga. Itu pepatah atau pun madah yang menjadi suatu dendangan orang-orang Melayu. Maknanya kalau kita kembali kepada itu, apa lagi kita ini bersatu sama-sama menguatkan ideologi akidah yang sama, saya tengok Melayu tidak akan sampai keperingkat berpecah dia hanya setakat bermazhab. Mazhab, ada *empat* [4] mazhab. Mazhab tidak berpecah. Mazhab adalah kebebasan berfikir. Kebebasan beristihad dalam sudut agama. Betul tidak? Begitu juga *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia] Melayu, dan Melayu *PKR* [Parti Keadilan Rakyat]. Dia tidak berpecah, dia hanya dipisahkan oleh mazhab-mazhab politik. Jadi apakah kerana perpecahan mazhab ini merupakan suatu kebimbangan yang besar kepada kita? Itu persoalannya. Kalaulah apa kita katakan perpecahan ini wujud sehingga sampai kepada peringkat akidah, peringkat boleh bunuh-membunuh, itu bahaya. Itu persoalannya dulu. Adakah kita peringkat bunuh-membunuh? Tidak ada. Sebab Melayu apabila tersepit, dia akan kembali bersatu. Itu naluri Melayu. Kita boleh tengok daripada sebesar-besar entiti, sekecil-kecil entiti dalam keluarga kita. Bila kita ada masalah, adalah yang akan bertanya, adalah yang akan membantu. Maka tidak berlaku perpecahan, hanya berlaku perpisahan georafi, pemisahan

pendapat, dan sebagainya. Jadi bagi saya soal perpecahan Melayu saya tidak bimbang, makanya saya pernah mencadangkan dalam diri saya sendiri, *rumoh* [rumah] yang ada ini perlu dirobohkan sebab masa hendak membina rumah baru waktu itulah Melayu akan bersatu. Pahamkan? Tetapi tidak akan sampai peringkat waktu hendak merobohkan rumah yang ada. Tetapi kalau kita lihat pada sudut politik yang nakal, kehebatan orang Cina berpolitik ini, kita rasa kita akan--- memang pun ada kerugian, ada kesan-kesan negatif daripada itu. Ada kesan-kesan negatif daripada pemisahan mazhab politik tadi diambil kesempatan oleh--- kita kena tanya pula itu, sejauh mana kita hendak biarkan benda ini dan apakah benda ini bertentangan pula dengan apa yang kita persetujui dalam perlembagaan. Kita juga yang buat begitu. Sampai satu masa bila dia hendak begitu, kita juga yang menentang nanti. Maknanya bila waktu *terjempitnya* [tersempitnya] nanti, pemisahan mazhab, pemisahan fahaman politik ini akan kembali bertaut. Biduk lalu maknanya satu halangan yang besar itu membelahkan *dua* [2] kiambang, selepas biduk itu pergi kiambang itu akan bertaut. Cuma bila?

MFMP : Akan sampai masanya.

MSO : Biduk sudah lalu, tetapi belum habis lagi. Maknanya bagi saya *personal* [peribadi] kalau ditanya saya tidak begitu membimbangkan. Walaupun kita mencurigai cara orang politik, orang-orang cina khususnya bermain. Tetapi kalau kita hendak salahkan, salah pada diri sendiri. Kita sepatutnya perlu asuh diri kita kepada penyatuan, *sapa tak nak* [siapa tidak mahu] bersatu? Masalahnya apa yang berlaku pada hari ini, kedua-

dua pihak tidak mahu bersatu. Kedua-dua pihak masih menggunakan pelbagai hujah mempertahankan parti masing-masing. Biarlah. Bagi saya, saya tidak bimbang sebab *nature* [lumrah] hidupnya begitu. Sesuatu yang *nature* [lumrah] tidak boleh buat apa. Hanya kita boleh tunggu masa saja, memperlambatkanlah. Umpamanya seperti roda, kalau besar roda itu, lambatlah putaran itu sampai. Tetapi kalau *kecik* [kecil] dia cepat jadinya.

MFMP : Tadi tuan kata dia merugikan Melayu, apa maksud tuan merugi, dari sudut apa yang rugi?

MSO : Misalnya orang Cina menuntut hak dia, berdasarkan kepada perlembagaan yang dibenarkan itu, yang kita tidak pinda. Untuk mengambil hati orang Cina, *Najib* [Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak merupakan Perdana Menteri Malaysia sekarang] kata, *ok* [baiklah] kita luluskanlah. Anwar yang tidak mempunyai kuasa berjanji dengan Cina, kita akan bagi ini kepada orang Cina. Bagi macam ini kalau kita berkuasa. Kerana takut kepada Anwar berkuasa dan Cina memihak kepada Anwar, *Najib* kata, kita bagi, sebab kita ada kuasa, di situ melayu rugi. Satu lagi contoh kita ambil_ _ kemasukkan ke universitilah, nampak tidak di situ. Dulu Cina tidak ada, sekarang ini ada *lima percent* [5%] dan pada hari kalau kita lihat betul-betul sudah sampai *sepuluh percent* [10%], seperti yang berlaku di *UM* [Universiti Malaya]. Kalau hendak merealisasikan kita punya semangat kaum, tidak mahu *racist* [perkauman], ianya tidak menguntungkan orang Melayu. Cina pandai mengambil kesempatan di atas politik. Mereka menggunakan strategi

sokongan untuk membuatkan Najib dan Anwar takut. Kerana bimbang maka Anwar berjanji dengan cina lalu Najib bagi. Tambahan pula Najib ada kuasa. Makanya, saya istilahkan Najib ataupun Anwar apabila hendak melaksanakan sesuatu untuk orang cina. Najib tukang melaksanakan sesuatu. Anwar membuka pintu depan, Najib membuka pintu belakang.

MFMP : Sikit lagi, ada beberapa soalan lagi, lepas itu kita tamatkan soalan untuk ke solat Jumaat. Tuan kata Anwar mencadangkan sesuatu kemudian Najib melaksanakannya. Kemudian ada juga dengar desas-desus mereka hendak bersatu. Betulkah berita itu?

MSO : Penyatuan itu dia lebih kepada suatu angan-angan yang dihakikatkan. Maksudnya begini, benda itu ramai orang-orang yang macam kita ini yang tidak memihak kepada penyatuan mazhab politik Melayu ini supaya apa yang dibimbangkan oleh Mahathir itu tidak berlaku walaupun__ perkara itu tidak perlu dibimbangkan pun. Jadi, diakhirnya nanti selepas lalunya suatu biduk yang besar (bunyi telefon) itulah berlaku penyatuan ini. Penyatuan bukan realistik sekarang *ni* [ini] tetapi dalam ilusi hanya dalam angan-angan ramai orang. Orang melihat kepada penyatuan mazhab, aliran pemikiran politik_ untuk mengurangkan risiko-risiko ataupun hambatan-hambatan kepada (bunyi pintu dibuka dan ditutup) politik kepentingan Melayu pada masa depan.

MFMP : Maksudnya untuk bersatu tidak ada caralah, maksudnya kita hanya menanti waktu untuk penyatuan itu

MSO : Ada usaha-usaha yang tidak terzahir, yang tidak terzahir. Cuma waktu untuk itu belum sampai lagi.

MFMP : Contoh cara penyatuan yang tidak terzahir dari sudut pandangan tuan.

MSO : Misalnya salah satu yang terbaru kita nampak, kita perhatian sikap yang diambil oleh Anwar sekarang ini, tidak menentang Akta Pencegahan Jenayah secara bersungguh dan hanya tentang dalam dewan. Malahan dalam peringkat pra undang-undang diluluskan itu pun Anwar tidak ada di sini (bunyi pintu dibuka dan ditutup). Biasanya kalau sesuatu tentangan dalam parlimen itu tidak berjaya, *diorang* [mereka] akan bawa kepada luar, ke *public* [awam] tetapi benda ini tidak dibuat. Begitu juga dengan *TTPA* [Trans Pasific Partnership Agreement] itu, tidak boleh ditentang secara serius. Hanya pada ala kadar saja. Itu menunjukkan bibit-bibit kesedaran, mengendurkan ketegangan dua mazhab politik ini. Itulah contoh secara tersirat. Tidak ada penentangan secara fizikal. Lepas itu tindakan terbaru yang diambil ini masih lagi menjadi rahsia. Melayu dalam *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia], Pakatan Rakyat sedang berbincang dengan *UMNO* [United Malays National Organization] untuk membentuk kawasan persempadan baru pilihan raya yang memberi kelebihan kepada orang Melayu. Hendak mengurangkan kerusi orang Cina. Ini diantara bentuk-bentuk yang diambil sekarang ini. Benda ini tidak boleh dizahirkanlah. Nanti nampak sangat kita ini *racist* [perkauman]

MFP : Mengenai bajet 2014. Apa harapan tuan sebelum kita tengok pembentangan secara langsung pada petang ini?

MSO : Saya rasa dalam keadaan kewangan sekarang ini, saya tidak *expect* [menjangka] dalam soal ekonomi, saya rasa bajet kali ini tidak ada sesuatu yang istimewa melainkan pengulangan *dua* [2] bajet lepas. Ataupun dia hanya mengulangi, *repeat* [pengulangan] kepada pengumuman-pengumuman program-program lonjakan ekonom yang Najib buat macam yang terbaru ini, untuk perkasakan ekonomi orang Melayu itu. Saya rasa tidak ada benda yang *specific* [khusus], benda yang *significant* [makna] yang besar— kerana keadaan ekonomi kita yang ada hari inilah. Tidak ada apa-apa yang mengejut saya rasa kecuali cukai-cukai rokok macam itu saja. Tidak ada benda besar seperti bajet untuk menyelesaikan masalah memiliki rumah, benda itu sudah berapa kali, benda yang sama saja. *Repetition* [pengulangan] saja benda ini.

MFMP : Isu terbaru ialah mengenai pelaksanaan GST [Good & Service Tax]. Adakah cukai ini akan dilaksanakan? Dan apakah kesannya kepada Negara dan rakyat?

MSO : GST [Good & Service Tax] ini, dalam sesetengah barangan sudah dimasukkan, tetapi kita tak perasaannya sebenarnya. Cuma kerajaan *nak* [hendak] perluaskan GST [Good & Service Tax] itu. Saya tidak dapat beri pendapat mengenainya sebab saya tidak menguasai bidang ekonomi, saya tidak faham dengan ekonomi dan saya tidak pakar sangat. GST [Good & Service Tax] ini adalah cukai yang dikenakan kepada semua rakyat dan untuk kerajaan. Apa pun jenis cukai, bila dikenakan, *dua* [2]

saja kesannya, menguntungkan kerajaan kemudian membebankan rakyat. Tetapi kalau cukai itu diambil dan kemudian memberikan kepada rakyat semula. Sepatutnya begitulah konsepnya. Betul tidak? Rakyat bayar cukai, dalam satu-satu jangka masa kemudian rakyat dapat manfaat daripadanya. Apa masalahnya? Kecuali kerajaan ambil cukai melalui *GST* [Good& Service Tax] dan sebagainya, guna untuk buat hal lain. Contohnya beli hotel di London, beratus-ratus juta. Tetapi kerajaan kena tengok kesan kerana itu korupsi. Tidak mungkin kerajaan buat macam itu. Buat macam itu rakyat akan bangkit. Kamu ambil hak aku, kamu tidak bagi semula. Tetapi kalau ambil cukai kemudian bagi sama rata, tidak ada korupsi. Semuanya akan berjalan dengan baik. Bila adil--- kalau tidak adil, esok lusa rakyat akan bangkit menuntut hak. Betul *tak* [tidak]? Tetapi saya rasa tidak ada apa-apa kejutanlah, selain daripada hendak memperhebatkan perumahan rakyat. Kecuali kerajaan buat satu bajet seperti bagi geran kepada Kelantan untuk membina lebuhraya, untuk bina jambatan Itu suatu kejutan. Tetapi saya tidak fikir dalam keadaan negara tidak ada duit. Setiap kali belanjawan adalah belanjawan defisit. Saya rasa tidak ada apa kejutan buat rakyat, melainkan ulangan-ulangan kepada (bunyi telefon) pengumuman-pngumuman yang dibuat sebelum ini. Atau pun apa yang di buat pada bajet sebelum itu.

MFMP : Soalan seterusnya, pada pendapat tuan, sistem politik yang bagaimana tuan impikan supaya diamalkan dalam neagra kita ini?

MSO : Dari segi demokrasi, tetapi benda ini tidak mungkin akan berlakulah. Kita hendak kepada ketelusan dalam demokrasi. Ketelusan sebenar

dalam demokrasi sukar untuk kita capai. Apakah ketelusan itu akan berlaku sekarang? Kita mengharapkan agar perubahan-perubahan yang positif dalam demokrasi. Tetapi biarlah, saya tidak mahu bercakap soal sistemnya sebab sistem demokrasi ini juga akan diguna pakai oleh pembangkang. Saya *nak* [hendak] bercakap mengenai sikap politik orang Melayu khususnya dan politik orang Malaysia secara amnya. Sikap *gentleman* [beradab] dalam politik. Kita kena ubah cara kita berpolitik. Politik kita mesti lebih matang, politik kita mesti lebih cerdas, politik kita mesti masak. Itu sikap dia, *attitude* [sikap] politik yang lebih penting. Selagi kita tidak ubah sikap *tu* [itu], selagi itulah--- sekarang ini kita terbawa-bawa dengan sikap politik kita yang kekirian dan kekanan, kepartian mengikut kita punya cara. Kita kena ubah itu. Sebab itu saya sering kali menulis bahawa kalau kita hendak belajar politik, kita kena belajar politik dengan orang Cina. Kalau kita hendak kepada politik keakuan, politik keperibadian dan politik kesepakatan sesama sendiri makanya kita belajar daripada bangsa Cina. Contohnya ketika mereka membincangkan tentang pendidikan bangsa mereka, baik Cina *DAP* [Democratic Action Party] atau *MCA* [Malaysia Chinese Assosiation] yang akan menimbulkan isu ini kemudian mereka akan bahas isu bersama. Itu yang seharusnya ada pada orang Melayu. Walaupun pergaduhan dan pemisahan mazhab ini tidak membuatkan kepada sesuatu bencana yang besar dekat negara kita, tetapi kita kena jangan terlalu jauh memisahkan. Keregangan *tu* [itu] jangan terlalu jauh. Seboleh-bolelah masih lagi kita duduk dalam jarak di mana dapat melihat wajah orang di sana, daripada muka sampai ke kaki. Jangan sampai kita

hanya nampak muka, kaki tidak nampak. Dia disebelah sana pun begitu juga cara untuk melihat orang di sini. Maknanya keregangan itu jangan terlalu jauh. Tetapi yang seelok-eloknya, yang regang itu kita rapatkan dengan sikap politik yang *matured* [matang], yang matang. Politik yang matang itu, macam mana caranya. Macam soal pembahagian subsidi. Kenapa kita hendak *identified* [kenal pasti] orang ini, orang ini. Sepatutnya kita ada garis panduan dalam perlembagaan, hak rakyat. Ambil pedulilah hak rakyat itu. Politik yang macam itu yang menjadi idaman orang macam kita ini. Orang-orang yang tidak taksub kepada mana-mana parti. *Tu* [itu] baru membangun. Negara kita juga mempunyai aset semulajadi yang banyak.

MFMP : Selain belajar mengenai cara politik orang Cina. Bagaimanakah kaedah lain untuk kita belajar supaya politik orang melayu matang di Malaysia?

MSO : Untuk menjadi matang dalam politik, kita perlu kembali kepada fitrah kita sebagai seorang manusia dan sebagai hamba Allah. Bila sebut fitrah mesti hamba kepada Allah. Kita mesti berpegang kepada ajaran Dia. Bila kita semua pergi kepada ajaran Dia yang sebenar, kita tidak akan berlaku (bunyi telefon berdering) pertentangan. Islam suruh kita bersatu, bermuafakat, bertanggungjawab dan tulus. Itu saja. Keluar dari fitrah kita akan hanyut. Soal sekali kita tidak mahu pergi kepada fitrah kita, membelakangkan kepada fitrah seperti membuat sesuatu peraturan baru yang bertentangan dengan fitrah, yang kita anggap sebagai dalam syahadah kita. Kita memperakui fitrah tapi *tak* [tidak] melaksanakan.

Kalau kita memprakui dan kita melaksanakan, tidak ada masalah. Jadi salah satu lagi alternatif selain daripada belajar cara bangsa cina berpolitik secara taktikal dan dari segi fizikal. Kita kembali kepada *spiritual* [rohaniah] atau fitrah kita. Benda ini boleh buat. Masing-masing kita ada ilmuan dalam *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia] ke, *PKR* [Parti Keadilan Rakyat] atau dari *UMNO* [United Malays National Organization]. Tetapi malangnya, setiap ilmuan dalam parti ini tidak diguna sepenuhnya oleh orang melayu. Tidak mahu kembali kepada fitrah sedangkan fitrah itu mengajar kita mengenali diri kita. Apabila kita menyelarkan sesetengah ahli politik tidak Islam, mereka marah tetapi mereka tidak sedar cara kerja dan hidup mereka tidak mencerminkan mereka adalah Islam. Apabila kita ajak kembali kepada fitrah mereka tidak mahu. Begitulah. Jadi belajar daripada politik orang cina dari segi taktiknya, dia punya fizikalnya. Salah satu caranya adalah kembali kepada fitrah dari *spiritualnya* [kerohanian]. Itulah baru boleh mewujudkan suasana yang kita kehendaki tadi. Lepas itu dalam soal politik masa depan yang kita hendak, *of course*lah [sudah tentu] politik yang membela kita, memartabatkan kita, memakmurkan kita hidup dalam sesebuah negara. Bila kata memakmurkan hidup kita dalam sesebuah negara, bukan saja kita sebagai orang Melayu, bangsa-bangsa lain punya hak tidak boleh dinafikan, perlu diberi juga. Kemudian beri ilmu dan kefahaman agama kepada rakyat. Barulah kita boleh maju ke hadapan. Tetapi kalau kita hendak menafikan, sikit-sikit *nak* [hendak] hantar balik negara asal, sikit-sikit hendak keluar daripada Malaysia. Politik jenis apa itu? Kamu perlu terima bahawanya dunia ini hak

manusia. Sampai satu peringkat ada pula hak kita dinafikan. Tetapi dalam satu masa yang lain pula, kamu juga yang membenarkan orang asing masuk kerana ingin rasuah. Sempadan bolos kerana rasuah. Perasuah yang pertama ialah menteri. *Nak* [hendak] kata saya tidak ada bukti apabila cakap seperti itu? Salah satu buktinya apabila *Zahid* [YB Dato Sri Zahid Hamidi merupakan Menteri Dalam Negeri] memperkenalkan satu akta dimana membolehkan polis tangkap orang walaupun tidak ada bukti. Itu satu bukti bahawa menteri rasuah.

MFMP : Bukti tidak cukup tidak boleh tangkap?

MSO : Tangkaplah menteri itu. Siapa berani kata menteri tidak rasuah, semua rasuah. Asal saja namanya politik, ahli politik, tidak ternafi dia---. Pakai songkok ke, berkhotbah ke, jubah ke, selabuh ekor burung merak pun politik ini adalah jahat. Sebab itu saya tidak menjadi ahli politik kepada mana-mana parti sebab saya tidak percaya kepada politik boleh membawa kepada kebaikan, apa lagi keberkatan.

MFMP : Ini bukan persepsi tapi fakta?

MSO : Ini bukan persepsi, ini fakta dan ini hujah. Kembali kepada *Al-Quran* [kitab suci umat Islam], kembali kepada Islam. Islam tidak ada demokrasi, Islam ada syura. Syura ini memilih seseorang itu yang layak, yang berhak menjadi pemimpin. Dalam politik orang bodoh memimpin orang cerdas. Betul *tak* [tidak]? Balik kampung tengok siapa dia ketua cawangan. Betul. Mana-mana parti pun ada orang seperti ini.

MFMP : Orang bodoh memimpin orang cerdas. Itu sudah salah konsep.

MSO : Orang tidak arif, tidak baca tajwid dengan betul, hendak jadi imam, sedangkan orang yang ada tajwid yang betul duduk dibelakang, jadi makmum. Ini tidak betul. Bagi sayalah. Sebab *tu* [itu] saya tidak terima konsep yang salah ini. Saya selalu berhujah, saya selalu baca, macam mana daripada sesuatu sistem yang tidak baik, boleh melahirkan pemimpin yang baik. *Impossible* [mustahil]. Contoh analoginya, kita tidak akan mendapat anak ayam daripada telur itik. Walaupun telur itik itu diperam oleh ibu ayam. Betul tidak? Maknanya, sistem yang tidak baik tidak menjamin lahir pemimpin yang soleh, beriman dan bertaqwa. Tetapi saya tidak menidakkan, cuma saya tidak menerima. Sebab itu saya hanya menjadi penulis, perakam, dan pengkritik kepada sejarah politik. Sebab saya tidak yakin. Tetapi ada juga orang yang tidak yakin pada suatu benda dia buat. Ada juga. Itu munafik yang paling besar. Betul tidak? Dia tidak percaya, dia tolok, tetapi kerana dorongan-dorongan kemudahan lain dia buat benda itu. Betul tidak? Itu saya tidak munafik sebab itu saya *direct* [terus terang].

MFMP : Kita perlu bercerita secara jujur dan berani.

MSO : Ya, berterus-terang itu lebih baik daripada segala-galanya.

MFMP : Kalau seperti yang tuan sebutkan. Maknanya baik pembangkang atau kerajaan semua terlibat dalam rasuah?

MSO : Semuanya sama. Orang politik tidak ubah seperti artis. Seratus-peratus maksiat. Walaupun tidak dari semua sudut mereka lakukan adalah

maksiat tetapi ada sudut yang lain membuatkan dia terlibat dengan maksiat. Macamlah orang politik, adalah sudut dia terlibat dengan rasuah. Sama ada dia sedar atau tidak sedar, tetapi kita menyedari. Nampak *tak* [tidak]? Dia rasa dia tidak sedar tetapi kita yang di luar ini menyedari benda ini berlaku yang dia buat rasuah. Artis menutup aurat. Betul tidak? Tetapi penonton tengok ada sesuatu benda yang merangsangkan dia kepada maksiat. Sebab apa? Sebab artis duduk dikhayalak ramai. Oh comel dia macam ini. Bergambar *tu* [itu] sudah tidak boleh kalau ikut syarak. Tetapi tidak boleh itu, bukanlah seperti perundangan yang direka oleh Taliban. Tidak sampai ke tahap itu.

MFMP : Betul ke memang sampai bergambar pun tidak boleh dalam syarak?

MSO : Saya tidaklah sampai peringkat menentang sampai ke situ, tetapi (bunyi pintu dibuka) dari segi prinsipnya. Saya pun suka duduk dengan artis, saya boleh minum dengan mereka tetapi hendak cerita dari segi prinsipnya adalah salah. Apabila sampai kepada kita kebenaran kemudian kita menafikan, maka kita adalah munafik. Itu sikap--- Orang selalu memandang negatif sedangkan belum pun mengenali saya. Tapi bila berjumpa dengan saya dan kenal. Oh macam ini rupanya dia ini. Saya memang macam itu. Itu saya, perangai saya. Sebab itu saya susah berkawan dengan orang. Bukan hendak berkawan dengan orang susah, orang hendak berkawan dengan saya itu takut. *Especially politician* [terutama sekali ahli politik]. Mereka takut saya bantai mereka dalam bentuk penulisan. Betullah. Sebab apa aku bantai engkau, sebab engkau ada sesuatu yang tidak betul engkau buat. Selama engkau tidak

melakukan salah, ada tidak aku bantai?

MFMP : Maknanya sampai sini sajalah pertemuan kita buat masa ini dan sejarah lisan mengenai pendapat, dan juga sejarah-sejarah kehidupan tuan Mohd Sayuti Omar. Saya serta sahabat ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan kerana sudi meluangkan masa. Saya rasa sampai sini saja dan saya dahulukan dengan ucapan terima kasih dan Assalamualaikum w.b.t.

MSO : Waalaikumussalam.

MFK : Demikian tadi wawancara perkongsian cerita serta pengalaman Mohd Sayuti Omar yang merupakan penulis buku politik tanah air sejak dari tahun seribu sembilan ratus lapan puluh [1980]. Saya mewakili Ketua Program Fakulti Pengurusan Maklumat mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian tuan untuk memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada para pendengar dan penyelidik serta seterusnya generasi yang akan datang. InsyaAllah. Saya sudahi rakaman ini dengan lafaz ribuan terima kasih dan Assalamualaikum w.b.t.

Senarai Soalan

Latar belakang dan pendidikan

1. Apakah nama penuh tuan mengikut kad pengenalan?
2. Apakah nama panggilan tuan?
3. Bila dan dimana tuan dilahirkan?
4. Sekarang tuan menetap di Kuala Lumpur dan boleh ceritakan serba sedikit sebab tuan pindah ke sini?
5. Siapakah nama ibu bapa tuan?
6. Adakah mereka masih hidup?
7. Kedua-duanya asal daripada sana?
8. Adakah pada waktu itu perkhidmatan bas tidak ada?
9. Berapa bilangan adik-beradik tuan?
10. Boleh tuan sebutkan nama-nama mereka?
11. Bilakah tuan mendirikan rumah tangga?
12. Apakah nama penuh isteri tuan?
13. Adakah isteri tuan surirumah sepenuhnya?
14. Di manakah dan bila tuan mengenali isteri?
15. Apakah nama dan berapa bilangan anak-anak tuan?
16. *Tiga* [3] orang sajalah?
17. Semua nama anak tuan pakai huruf 'E' di hadapan?
18. Sekarang ini anak-anak tuan masih belajar atau pun sudah bekerja?
19. Di kalangan anak tuan ada yang sudah mendirikan rumah tangga?
20. Soalan seterusnya, apakah hobi tuan pada masa lapang kalau tidak kesibukan selain daripada menulis?
21. Kalau hari-hari tuan akan menulis sajalah?
22. Siapakah pemimpin atau tokoh yang menjadi contoh dalam hidup tuan?
23. Kita beralih pula pada kehidupan zaman remaja atau pun kanak-kanak. Boleh tuan ceritakan serba-sedikit kenangan-kenangan manis dan pahit semasa membesar di Pasir Mas?
24. Baiklah seterusnya kita beralih kepada sejarah pendidikan. Bila dan di manakah tuan mula-mula bersekolah?
25. Masa itu tahun berapa, tuan?

26. Adakah pada waktu itu masih menggunakan system sekolah menengah dan sekolah rendah?
27. Adakah sekolah rendah dan sekolah menengah di tempat yang sama, tuan?
28. Tuan tidak pernah pindah sekolah?
29. Boleh tuan namaka nsekolah tersebut?
30. Sekolah menengah?
31. Boleh tuanceritakan serba-sedikit bagaimana suasana dan kemudahan sekolah pada waktu itu sekiranya dibandingkan dengan sekarang ini?
32. Sewaktu belajar daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah, apakah subjek yang disukai dan yang tidak disukai oleh tuan?
33. Adakah tuan aktif berpersatuan dan kokurikulum sewaktu belajar dulu?
34. Persatuan apa yang tuan sertai?
35. Sewaktu tuan masuk pertandingan debat, tuan pernah menang atau pun pernah kalah?
36. Bagaimana pula dengan pencapaian tuan dalam akademik pada waktu itu?
37. Di Indonesia?
38. Adakah ibu bapa tuan menyokong cita-cita dan juga minat tuan?
39. Sewaktu melanjutkan pelajaran di Indonesia, adakah tuan mendapat tajaan biasiswa atau buat pinjaman?
40. Tidak hantar duit?
41. Sebentar tadi tuan kata ada menulis di akhbar-akhbar. Berapa mereka bayar tuan untuk satu artikel?
42. Satu rencana?
43. Bagaimanakah dengan pencapai anak akademik tuan di Indonesia?
44. Tuan masih ingat atau tidak siapa teman seperjuangan dalam bidang penulisan sewaktu zaman universiti di Indonesia?
45. Boleh tuan namakan syarikat radio tersebut?
46. Syarikat radio?
47. Adakah stesen itu masih beroperasi lagi?
48. Oh konti dia kecil sajalah?

Kerjaya

49. Kita masuk ke sesi seterusnya iaitu dari aspek kerjaya. Tuan mula menulis pada seawal umur 12 tahun kemudian ke Indonesia mencar ilmu penulisan dan di Malaysia pula bila tuan mula serius menceburi bidang penulisan politik?
50. Berapa banyak buah buku yang telah tuan tulis dan terbitkan?
51. Boleh tuan sebutkan buku-buku antara yang hangat di pasaran?
52. Kita perlukan buku dan idea yang banyak jika mahu menulis. Dari mana tuan dapatkan sumber-sumber dan idea yang begitu banyak sehingga terhasilnya empat puluh [40] lebih buah buku?
53. Boleh kongkikan sedikit bagaimana cara untuk bongkarkan sesuatu isu?
54. Maksudnya kita timbulkan persepsi terlebih dahulu?
55. Dan tindakan seperti itu tidak menjadi satu kesalahan?
56. Itu antara strategi yang digunakan oleh penulis politik?
57. Setakat ini, adakah tuan sudah berpuas hatidenganp encapaian yang telah tuan kecapai?
58. Masih lagi belum tercapai?
59. Sepatutnya anak halal tu adalah novel?
60. Berbalik pada akhbarSiasah tadi, boleh tidak tuan ceritakan sejarah penubuhan dan terkuburnya akhbar tersebut?
61. Adakah tuan keluar daripada siasah?
62. Pada tahun bilakah tuan keluar daripada Siasah?
63. Masih baru tuan keluar daripada Siasah?
64. Siapa *keyperson* [orang penting] yang menubuhkan Siasah bersama dengan tuan?
65. Lepas itu baru yang lain-lain masuk Siasah?
66. Kemudian, kami berminat hendak tahu bagaimana pembayaran dibuat kepada penulis sekiranya mereka menggunakan khidmat syarikat penerbitan?
67. Bagaimana pula dengan pencetakan? Tuan cetak di mana?
68. Dan setakat ini daripada modal *dua puluh lima ribu* [RM25,000] itu, adakah tuan untung atau pernah mengalami kerugian?
69. Maksudnya modal itu dapat balik?
70. Sampai sekarang modal itu masih ada?

71. Maksudnya modal awal itu hasil daripada tuan sendiri?
72. Saya tertarik dengan penubuhan syarikat tuan. Boleh ceritakan lebih lanjut?
73. Boleh tuan berikan sedikit tips bagaimana hendak menjadi seorang penulis yang berjaya?
74. Bagaimana cara untuk kita mengawal emosi. Biasalah kalau kita terlibat dalam politik ini mesti ada orang benci kita dan kita juga akan dikritik. Jadi macam mana tuan mengatasi masalah itu?
75. *Remove friend* [buang kawan]?
76. Mereka menggunakan akaun palsu?
77. Sepanjang menulis buku politik, pernah atau tidak tuan di saman?
78. Saman itu berjaya atau tidak?
79. Di saman kerana tulisan apa itu?
80. Adakah selesai di luar mahkamah?
81. Pihak polis pernah masuk ke dalam rumah tuan?
82. Tuan pernah di tahan oleh pihak polis?
83. Selama sembilan hari itu tuan cuma perlu dating ke balai polis sajalah?
84. Pada pendapat tuan, bagaimanakah caranya untuk kita mengatasi bentuk-bentuk penulisan yang mempunyai unsur penindasan, doktrin dan pembodohan?
85. Apakah yang dimaksudkan dengan PB?

Pandangan

86. Pada pendapat tuan, apakah pendidikan politik dan sejarah penting untuk negara kita? Maksudnya anak-anak muda hari ini, kebanyakannya tidak mahu ambil tahu tentang keadaan politik dan bila sebut saja tentang politik, itu negatif. Boleh tuan bagi pendapat?
87. Mengenai sejarah, saya ada baca satu artikel yang menyatakan bahawa sesetengah ahli akademik kata sejarah kita tidak pernah merdeka, kita tidak pernah dijajah kemudian ada yang kata sejarah tipu. Apa pendapat tuan mengenai hal itu?
88. Kemudian dari pada skop mahasiswa, kalau macam dulu kita tengok tokoh-tokoh mahasiswa, seperti Anwar Ibrahim, peranan beliau di tengah masyarakat

- begitu menonjol. Jika hendak dibandingkan dengan zaman sekarang, kena habiskan belajar dahulu baru boleh masuk dalam politik. Apa pendapat tuan?
89. Jadi maksud 'memagar' itu maknanya kita sekarang ini ketandusan tokoh muda. Dalam keadaan memagar pun kita boleh lihat mahasiswa seperti Safuan Anang, dan Adam Adli. Adakah kita hanya ada *dua* [2] atau *tiga* [3] orang itu saja jika hendak dibandingkan dengan dulu di mana hampir seluruh mahasiswa di kampus ambil tahu tentang isu semasa dan berada di tengah-tengah masyarakat?
 90. Adakah betul Melayu itu berpecah disebabkan parti politik? Seperti mana yang Tun Mahathir kata, orang Melayu berpecah sebab ramai pemimpin keluar *UMNO* kemudian menubuhkan tubuh parti lain.
 91. Tadi tuan kata dia merugikan Melayu, apa maksud tuan merugi, dari sudut apa yang rugi?
 92. Tuan kata Anwar mencadangkan sesuatu kemudian Najib melaksanakannya. Kemudian ada juga dengar desas-desus mereka hendak bersatu. Betulkah berita itu?
 93. Mengenai bajet 2014, apa harapan tuan sebelum kita tengok pembentangan secara langsung pada petang ini?
 94. Isu terbaru ialah mengenai pelaksanaan GST [Good & Service Tax]. Adakah cukai ini akan dilaksanakan? Dan apakah kesannya kepada negara dan rakyat?
 95. Soalan seterusnya, pada pendapat tuan, system politik yang bagaimana tuan impikan supaya diamalkan dalam neagra kita ini?
 96. Selain belajar mengenai cara politik orang Cina. Bagaimanakah kaedah lain untuk kita belajar supaya politik orang Melayu matang di Malaysia?
 97. Adakah bukti tidak cukup tidak boleh tangkap?
 98. Ini bukan persepsi tapi fakta?
 99. Kalau seperti yang tuan sebutkan, maknanya baik pembangkang atau kerajaan semua terlibat dalam rasuah?
 100. Betulkah memang sampai bergambar pun tidak boleh dalam syarak?

Log Temubual

MASA	PERKARA DIBINCANGKAN	YANG	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
01:00	Latar belakang tokoh berkaitan nama.		1) Mohd Sayuti Bin Omar
02:41	Latar belakang tokoh berkaitan tempat lahir.		1) Kampung Gual Libong Gual Periuk. 2) Pasir Mas 3) Kelantan
03:07	Kehidupan tokoh apabila berhijrah keluar daripada Kelantan.		1) Kuala Lumpur
03:52	Latar belakang mengenai keluarga tokoh di kampung.		1) Omar bin Haji Osman 2) Mekthom Haji Salleh 3) Ahmad 4) Zaidah 5) Rosmini 6) Rodziah 7) Mohd Rodzi 8) Pasir Mas 9) Kelantan
07:14	Kehidupan berumahtangga		1) Naimah Binti Yaacob 2) Mohd Elham 3) Erni 4) Esmah 5) Eza Elhanis 6) Mohd Eslah Putra
16:08	Kehidupan zaman kanak-kanak dan remaja		1) Pasir Mas 2) Kuala Lumpur 3) Kelantan

Bahagian B

MASA	PERKARA DIBINCANGKAN	YANG	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
21:01	Latar belakang pendidikan.		1) Sekolah Kebangsaan Gual Periuk 2) Sekolah Menengah Rantau Panjang
31:38	Pendidikan tokoh di peringkat diploma.		1) Indonesia 2) Sumatera 3) Pulau Jawa
33:02	Sokongan dan dorongan terhadap cita-cita tokoh.		1) Majlis politik
35:25	Tokoh menyara diri sendiri sewaktu belajar di Indonesia.		1) Syarikat surat khabar 2) Syarikat radio
40:10	Teman seperjuangan dalam bidang penulisan sewaktu di Indonesia.		1) Malaysia 2) Medan 3) Stesyen radio 4) Pasu Pati Perkasa 5) Taufik Mubarak 6) Anuar 7) Asmadi 8) Nasaruddin

Bahagian C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
44:32	Tokoh mula serius menceburi bidang penulisan politik.	1) Kota Bharu 2) Pakistan 3) Turki 4) Jordan 5) Mesir 6) Kementerian Dalam Negeri 7) Mingguan Perdana 8) Mingguan Tanah Air 9) Mingguan Blouming 10) Berita Minggu 11) Berita Harian 12) Utusan Malaysia
49:49	Bilangan buku yang ditulis oleh tokoh.	1) 45 buah buku
50:14	Buku-buku yang kontroversi dan mendapat perhatian tinggi.	1) Mahathir 2) Anwar Ibrahim 3) Arqam 4) Asyaari
51:55	Cara tokoh mendapatkan idea dan sumber-sumber untuk menulis buku politik.	1) Ulu Sat 2) Hong Kong 3) Machang 4) Dewan Undangan Negeri 5) Menteri 6) Husam Musa
58:40	Pencapaian tokoh dalam bidang penulisan dan kehidupan keseluruhannya.	1) Mohd Sayuti Omar 2) Akhbar Siasah
1:01:38	Sejarah akhbar Siasah yang ditubuhkan sendiri oleh tokoh.	1) Editor Mingguan Islam 2) Rakan-rakan kongsi

1:04:16	Cara menerbitkan dan mencetak buku.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Syarikat Tinta Merah 2) Syarikat percetakan
1:07:02	Sejarah penubuhan syarikat Tinta Merah.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Suruhanjaya Syarikat Malaysia
1:08:46	Tips untuk menjadi seorang penulis buku politik yang berjaya	<ol style="list-style-type: none"> 1) Bengkel penulisan 2) Kerajaan Kelantan 3) Masjid Petaling Jaya 4) Google 5) Habie Muda
1:14:03	Cara-cara untuk mengawal emosi sewaktu dikritik	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pak Lah 2) Tok Guru Nik Aziz 3) Ahli Politik
1:19:21	Pengalaman tokoh disaman oleh ahli politik.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Ketua Menteri 2) Rahim Tamby Chik 3) Lim Guang Eng
1:22:50	Teknik untuk mengatasi penulisan yang berbentuk penindasan.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Perdana Menteri 2) Utusan Malaysia
1:25:32	Ahli politik tidak wajar bermusuh dengan media perdana.	<ol style="list-style-type: none"> 1) UMNO 2) Harakah 3) PAS Selangor
1:27:54	Sejarah dan Politik penting untuk negara dan perlu diterapkan dalam setiap rakyat.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pakatan Rakyat 2) DAP 3) MCA 4) GERAKAN 5) PERIKATAN
1:32:48	Sesetengah ahli akademik mengeluarkan kenyataan bahawa Malaysia tidak pernah dijajah.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pembangkang 2) Belanda 3) Portugis 4) British 5) Jepun
1:38:22	Mahasiswa terlibat dalam politik dan berada di tengah-tengah masyarakat.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Anwar Ibrahim 2) Safwan Anang 3) Adam Adli

		<ul style="list-style-type: none"> 4) Lutfi 5) Rafizi 6) Nurul Izzah 7) Tian Chua
1:45:34	Membincangkan samada melayu pada hari ini berpecah kerana parti politik.	<ul style="list-style-type: none"> 1) PKR 2) Universiti Malaya 3) Najib Razak
1:52:42	Penyatuan Anwar Ibrahim dan Najib Razak.	<ul style="list-style-type: none"> 1) Mahathir Mohamad 2) Anwar Ibrahim 3) Najib Razak
1:56:05	Harapan tokoh mengenai Bajet 2014 yang bakal dibentang oleh Perdana Menteri.	<ul style="list-style-type: none"> 1) Kerajaan 2) London 3) Kelantan 4) Najib Razak 5) Good and Service Tax
1:59:26	Pandangan tokoh mengenai sistem politik terbaik pada masa yang akan datang.	<ul style="list-style-type: none"> 1) Demokrasi 2) Kelantan
2:00:44	Belajar politik matang daripada orang cina.	<ul style="list-style-type: none"> 1) Malaysia 2) Zahid Hamidi
2:09:17	Orang politik baik pembangkang atau kerajaan pasti akan ada yang terlibat dalam kegiatan rasuah.	<ul style="list-style-type: none"> 1) Artis 2) Penonton

Indeks

A

agama, 18, 24, 54, 64, 72

Ahli Parlimen, 62

ahli politik, 6, 15, 49, 72, 74, 76

akademik, 23, 27, 33, 57

akhbar, 3, 6, 26, 27, 30, 37, 39

Anwar Ibrahim, 15, 33, 48, 59

B

Bangsa, 3, 21, 33, 50, 57

Berita Harian, 30, 53, 54

buku, 1, 3, 4, 6, 9, 22, 30, 32, 33, 37, 39, 41, 42, 43, 45, 48, 49, 50, 77

C

Cina, 64, 66, 68, 71

D

daerah, 10, 13, 27, 30, 51

DAP, 71

demokrasi, 4, 54, 71, 75

doktrin, 33, 52

E

Editor, 39

ekonomi, 69

G

GST, 69

H

Harakah, 54

I

ideologi, 33, 54, 64

Indonesia, 6, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 30

Islam, 15, 30, 39, 54, 60, 64, 68, 72, 75

J

juruhebah, 28

K

Kelantan, 6, 10, 11, 15, 24, 30, 36, 44, 50, 53, 69

kemudahan, 16, 19, 22, 75

L

leadership, 15

M

mahasiswa, 59, 60, 61, 62

Mahathir, 15, 33, 48, 63, 67

mazhab, 64, 67, 68, 71

Mazhab, 64

MCA, 71

media, 4, 6, 30, 36, 46, 47, 48, 52, 53

Menteri Besar, 36, 48, 53

N

negara, 1, 3, 4, 54, 57, 69, 71, 72

P

parlimen, 10, 68

Parlimen, 15, 48, 62

PAS, 15, 54, 64, 68, 72

pelajaran, 23, 25, 54

pembangkang, 3, 4, 57, 71, 76

pendidikan, 4, 16, 18, 19, 20, 22, 23, 26, 45, 54, 60, 71

penerbitan, 27, 28, 30, 41, 43

penjajah, 57

penulis, 1, 3, 4, 9, 28, 35, 37, 40, 41, 44, 45, 47, 48, 49, 75, 77

penulisan, 3, 6, 9, 16, 23, 24, 28, 30, 33, 35, 36, 37, 43, 45, 52, 76

perang, 19

PKR, 64, 72

polis, 50, 51, 72

politician, 49, 76

politik, 1, 3, 4, 6, 9, 15, 23, 24, 30, 33, 37, 39, 43, 44, 46, 49, 50, 52, 53, 54, 57, 59,

63, 64, 65, 66, 67, 68, 71, 72, 74, 75, 76, 77

Prinsip, 52, 57

profesion, 14, 26

puisi, 16, 26, 30

R

Radio, 21, 29

S

Sejarah, 4, 54, 57

Sekolah, 6, 18, 19, 22

siasah, 40, 54

Siasah, 3, 30, 37, 39, 40, 54

surat khabar, 25, 30, 33, 37, 53

swasta, 6, 12, 23

syarikat, 6, 12, 29, 30, 39, 41, 42, 43, 49

T

teater, 23, 30

televisyen, 6, 19, 28, 29

tokoh, 1, 2, 4, 15, 59, 61, 79, 82, 83, 85, 86, 87, 88

TTPA, 68

U

UiTM, 13

UMNO, 15, 54, 63, 68, 72

universiti, 23, 27, 28, 62

Utusan Malaysia, 30, 52, 54

W

wartawan, 24, 27, 30

Rujukan

Lampiran



Gambar 1: Sumpah dan Airmata Reformasi Bangsa yang diterbitkan oleh Tinta Merah pada tahun 1998.



Gambar 2: Buku yang berjudul Undurkah Mahathir? Dilema Dollah Badawi yang diterbitkan oleh Tinta Merah pada tahun 2003.



Gambar 3: Buku berjudul Anwar Come Back: Gelombang Reformasi Ke Dua yang diterbitkan oleh Tinta Merah pada tahun 2004.



Gambar 4: Buku berjudul Bala Balak Dan Igauan Anak Musa yang diterbitkan pada Mei 2005.




Gambar 5: Buku yang berjudul PRU13: Nyawa BN di Hujung Pedang yang diterbitkan oleh Tinta Merah pada tahun 2012.



Gambar 6: Sesi temubual bersama Mohd Sayuti Omar.



Gambar 7: Sesi temubual bersama Mohd Sayuti Omar.



Gambar 8: Mohd Sayuti Omar menandatangani surat perjanjian.



Gambar 9: Kenangan bersama Mohd Sayuti Omar.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan

Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

.....
Dr. Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Kelantan